



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

**SARAWAK**

**TAHUN 2018 SIRI 2**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA





# **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**

**PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI SARAWAK  
TAHUN 2018  
SIRI 2**

**Jabatan Audit Negara Malaysia**



# KANDUNGAN



---

# KANDUNGAN

---

**MUKA  
SURAT**

**PENDAHULUAN**

vii

**AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN  
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**LEMBAGA AIR KUCHING**

- |  |       |
|--|-------|
| 1. Projek Naik Taraf Loji Rawatan Air Batu Kitang<br>No. 3 (Modul 5 dan 6) Kuching | 1 - 3 |
|--|-------|

**DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA**

- |  |       |
|--|-------|
| 2. Projek Darul Hana <i>Musical Fountain</i> | 2 - 3 |
|--|-------|

**LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN  
TANAH**

- |                          |       |
|--------------------------|-------|
| 3. Magna Focus Sdn. Bhd. | 3 - 3 |
|--------------------------|-------|

**PENUTUP**

4 - 3

**AKRONIM**

5 - 3



# PENDAHULUAN



---

## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti kementerian/jabatan/agensi serta pengurusan syarikat kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak pula akan menyebabkan Laporan itu dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Sarawak. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

**1.1. Pengauditan Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

**1.2. Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di kementerian/jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

**1.3. Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

**1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan** – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.

2. Laporan pada kali ini mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di dua (2) agensi dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Sarawak. Pengauditan terhadap aktiviti kementerian/jabatan/agensi kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 serta berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions* (INTOSAI). Format pelaporan sedia ada telah ditambah baik dengan menyediakan Ringkasan Eksekutif bagi setiap aktiviti yang dilaporkan, untuk membolehkan pembaca mendapat maklumat penting mengenai perkara yang diaudit serta penemuan utama Audit.

3. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam Laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak lapan (8) syor untuk diambil tindakan oleh jabatan/agensi/syarikat kerajaan negeri berkenaan.

4. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai jabatan kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan Audit Negara yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



**(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

**Ketua Audit Negara**

**Malaysia**

**Putrajaya**

**15 November 2019**

# 1

## LEMBAGA AIR KUCHING

- Projek Naik Taraf Loji Rawatan Air Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6) Kuching



# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## **LEMBAGA AIR KUCHING**

### **PROJEK NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR BATU KITANG NO. 3 (MODUL 5 DAN 6) KUCHING**

---

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap Projek Naik Taraf Loji Rawatan Air Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6) Kuching bagi tempoh tahun 2014 hingga 2017 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan projek.
- Bagi prestasi projek, pencapaian *outcome* dinilai terhadap pencapaian rizab margin seluruh loji rawatan air (LRA) yang dinikmati oleh penduduk di kawasan liputan Lembaga Air Kuching.
- Pengurusan projek pula dinilai terhadap dua (2) perkara iaitu pengurusan kewangan dan pengurusan perolehan projek yang melibatkan pelantikan perunding dan kontrak bagi projek tersebut.
- Pengauditan melibatkan Lembaga Air Kuching (LAK).

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Tujuan projek naik taraf ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran air terawat daripada 200JLH kepada 400JLH untuk kegunaan penduduk Bandaraya Kuching dan kawasan di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar.
- Projek ini berkemampuan membekalkan air bersih secara berterusan dan menepati piawaian kualiti air yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

##### **Apa yang ditemui Audit?**

- Wujud kelemahan dalam pengurusan pembinaan antaranya:
  - Kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak iaitu laluan jalan kaki LRA tidak dilengkapi dengan pemegang susur tangan (*handrail*) di lokasi tangki flokulasi; dan
  - Pemegang susur tangan yang dibekalkan dipasang dengan jenis besi *galvani* dan bukannya keluli lembut seperti dalam spesifikasi kontrak.



## **LEMBAGA AIR KUCHING**

### **1. PROJEK NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR BATU KITANG NO. 3 (MODUL 5 DAN 6) KUCHING**

#### **FAKTA UTAMA**

<b>6 Julai 2017</b> Tarikh projek siap dengan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)	<b>44 bulan</b> Tempoh pelaksanaan projek seperti dalam kontrak	<b>RM190.87 juta</b> Perbelanjaan keseluruhan dana bagi tempoh tahun 2014 hingga bulan Disember 2018
<b>Justifikasi Projek</b>	Pelaksanaan projek ini selaras dengan pembangunan Bandaraya Kuching dan kawasan di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar. Sekiranya infrastruktur bekalan air tidak disediakan mengikut jadual, maka ia mungkin menjaskan pembangunan sosial, ekonomi dan perindustrian Bandaraya Kuching serta kawasan di bawah Jabatan Bekalan Air Luar Bandar dan juga tidak dapat memenuhi permintaan bekalan air yang semakin meningkat.	
<b>Objektif Projek</b>	Untuk memaksimumkan potensi dan kebolehpercayaan pengeluaran air minum yang mencukupi dan berkualiti.	

#### **1. LATAR BELAKANG**

1.1. Lembaga Air Kuching (LAK) ditubuhkan pada bulan Januari 1959 melalui Perintah Lembaga Air Kuching 1959. Loji Rawatan Air (LRA) Batu Kitang terletak di kawasan Sungai Sarawak Kiri iaitu 64.4 kilometer (km) dari Laut China Selatan. LAK bertanggungjawab membekalkan air terawat ke seluruh bandaraya Kuching dan kawasan luar bandar yang merangkumi populasi 770,000 penduduk. Populasi tersebut dijangka meningkat kepada 920,000 penduduk pada tahun 2020.

1.2. Projek Naik Taraf LRA Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6), Kuching (Kontrak No: KWB/CON.16/2013) diuruskan oleh LAK secara Reka dan Bina. Projek ini merupakan satu (1) daripada empat (4) LRA yang sedia ada di Batu Kitang. Objektif projek adalah untuk meningkatkan pengeluaran air terawat daripada 200JLH kepada 400JLH untuk kegunaan penduduk. Lokasi kedudukan LRA Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6) adalah seperti dalam **Gambar 1**.

**GAMBAR 1**  
**LOKASI KEDUDUKAN LRA BATU KITANG NO. 3 (MODUL 5 DAN 6)**



Sumber: Lembaga Air Kuching

1.3. Nilai kontrak bagi projek ini berjumlah RM189.44 juta diperoleh secara rundingan terus. Tempoh pelaksanaan kontrak keseluruhannya adalah 44 bulan iaitu bermula 1 November 2013 hingga 30 Jun 2017. Kontraktor yang dilantik adalah kontraktor No. Syarikat 55314-K. Ringkasan kontrak adalah seperti dalam **Jadual 1** hingga **Jadual 2** dan komponen LRA yang dinaik taraf adalah seperti dalam **Gambar Rajah 1**.

**JADUAL 1**  
**RINGKASAN KONTRAK**

BIL.	PERKARA	PERINGKAT PERTAMA (MODUL 6)	PERINGKAT KEDUA (MODUL 5)
1.	Loji Rawatan Air Sedia Ada	39,455,772	30,498,678
2.	Stesen Pam Rawatan Air Baharu	26,054,473	13,772,130
3.	Loji Pengeluaran Baharu	9,874,340	3,200,806
4.	Muka Sauk Sedia Ada dan Stesen Pam Air Mentah	9,765,556	14,732,968
5.	Perkara Am dan Kerja Permulaan	9,748,763	4,487,996
6.	Loji Klorin Baharu	9,747,087	1,488,545
7.	Peringkat Reka Bentuk dan Elemen <i>Turnkey</i>	4,994,213	3,502,471
8.	Sistem SCADA Baharu Untuk Loji Rawatan Air No. 3	4,495,596	1,499,859
9.	Loji Elektrikal Baharu	2,124,587	-
<b>JUMLAH</b>		116,260,387	73,183,453
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>189,443,840</b>	


Sumber: Lembaga Air Kuching

**JADUAL 2**  
**BUTIRAN PROJEK NAIK TARAF LRA BATU KITANG NO. 3 (MODUL 5 DAN 6) KUCHING**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor Kontrak	KWB/CON.16/2013
2.	Skop Projek	<p><b>a. Muka Sauk di Sungai Sarawak Kiri:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Memasang lapan (8) unit pam air mentah baharu berkapasiti 340kw setiap satu.</li> <li>• Memasang paip air mentah bersaiz 1400mm sepanjang 1.2km.</li> <li>• Memindahkan <i>genset</i> yang sedia ada dari LRA No. 3 ke muka sauk.</li> </ul> <p><b>b. Menaik taraf LRA Batu Kitang No 3:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina tangki pembancuhan air masuk (<i>inlet mixing chamber</i>) yang baharu.</li> <li>• Memasang sistem tiub pemendapan (<i>tube settler</i>) di tangki pemendapan.</li> <li>• Membina 16 penapis pasir deras yang baharu.</li> <li>• Menaik taraf 16 unit penapis yang lama.</li> <li>• Menaik taraf penyediaan bahan kimia (<i>chemical preparation</i>) dan sistem pengdosan (<i>dosing system</i>).</li> <li>• Membina bangunan klorin dan amonia serta memasang sistem <i>feeding</i> bagi klorin dan amonia.</li> <li>• Pemasangan Sistem SCADA dan Telemetri.</li> </ul> <p><b>c. Stesen Pam Air Terawat dan Bangunan Janakuasa Elektrik:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Membina bangunan pam air bersih yang baharu.</li> <li>• Memasang 10 unit pam air bersih baharu berkapasiti 700kw setiap satu.</li> <li>• Memasang alat elektrikal dan <i>genset</i>.</li> </ul>
3.	Agensi Pelaksana	Lembaga Air Kuching
4.	Pengarah Projek	Pengurus Besar Lembaga Air Kuching
5.	Jenis Perolehan	Rundingan Terus
6.	Kaedah Pelaksanaan	Reka dan Bina
7.	Harga Siling Projek	RM213.75 juta
8.	Harga Kontrak Asal	RM189.44 juta
9.	Arahan Perubahan Kerja (APK)	RM1.43 juta
10.	Harga Kontrak yang Dilaras	RM190.87 juta
11.	Kontraktor	No. Syarikat: 55314-K
12.	Tarikh Surat Setuju Terima	30 Ogos 2013
13.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	28 Februari 2014
14.	Tarikh Milik Tapak	1 November 2013
15.	Tempoh Kontrak	44 bulan: Peringkat Pertama (Modul 6) – 30 bulan (1 November 2013 – 30 April 2016) Peringkat Kedua (Modul 5) – 14 bulan (1 Mei 2016 – 30 Jun 2017)
16.	Tempoh Lanjutan Masa (EOT)	55 hari: Peringkat Pertama (Modul 6) – 24 Jun 2016 (29 hari) Peringkat Kedua (Modul 5) – 24 Ogos 2017( 26 hari)
17.	Tarikh Siap Asal Projek	Peringkat Pertama (Modul 6) – 30 April 2016 Peringkat Kedua (Modul 5) – 30 Jun 2017
18.	Tarikh Siap Sebenar Projek	Peringkat Pertama (Modul 6) – 22 Jun 2016 Peringkat Kedua (Modul 5) – 6 Julai 2017
19.	Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)	24 bulan

Sumber: Lembaga Air Kuching

**GAMBAR RAJAH 1**  
**KOMPONEN LRA BATU KITANG NO. 3 YANG DINAIK TARAF**



Sumber: Lembaga Air Kuching

## 2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Naik Taraf LRA Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6), Kuching diurus dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif projek yang ditetapkan iaitu meningkatkan pengeluaran air terawat daripada 200JLH kepada 400JLH.

## 3. SKOP PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama iaitu prestasi projek dan pengurusan projek. Prestasi projek dinilai melalui dua (2) aspek utama iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pengurusan projek dinilai melalui lima (5) perkara iaitu prestasi kewangan, pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan dan pemantauan projek. Tempoh yang diliputi adalah dari tahun 2014 hingga 2017. Pengauditan dijalankan di LAK dan lawatan tapak ke LRA Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6) juga dijalankan.

### SAMPEL

RM190.87 juta 100%

40 baucar bayaran  
daripada RM190.87 juta  
perbelanjaan keseluruhan

**2014 – Julai 2017**

#### **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dan mengkaji fail dokumen kontrak, pelan induk projek LRA Batu Kitang, rekod kewangan projek, minit mesyuarat, Laporan Kemajuan Projek serta Laporan Pemantauan. Pemeriksaan dan pemerhatian fizikal juga dijalankan. Temu bual dan perbincangan diadakan bersama pegawai LAK, perunding, kontraktor serta mendapat bantuan khidmat nasihat pegawai teknikal Seksyen Khidmat Nasihat (Pengauditan Air) Cawangan Audit Air dan Alam Sekitar, Jabatan Audit Negara.

#### **5. RUMUSAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Disember 2018 hingga Februari 2019 mendapati perkara berikut:

##### **5.1. Prestasi Projek**

Projek Naik Taraf LRA Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6), Kuching telah disiapkan sepenuhnya pada 6 Julai 2017 selepas diberikan lanjutan masa selama 55 hari. Projek ini telah mencapai objektif yang ditetapkan iaitu meningkatkan pengeluaran air terawat dari 200JLH ke 400JLH. Projek ini berkemampuan membekalkan air bersih secara berterusan dan menepati piawaian kualiti air yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

##### **5.2. Pengurusan Projek**

Pengurusan projek dari aspek pengurusan kewangan, perolehan, bon pelaksanaan, polisi insurans, bayaran interim serta bayaran pendahuluan telah mematuhi peraturan yang ditetapkan.

5.3. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dalam kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Kerja tidak mengikut spesifikasi kontrak iaitu laluan jalan kaki LRA tidak dilengkapi dengan pemegang susur tangan (*handrai*) di lokasi tangki flokulasi; dan
- b. Pemegang susur tangan yang dibekalkan dipasang dengan jenis besi *galvanised* bukannya keluli lembut (*mild steel*) seperti dalam spesifikasi kontrak.

## 6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dan maklum balas LAK telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 13 Mac 2019. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti berikut:

### 6.1. Prestasi Projek

#### 6.1.1. Pencapaian Output Projek


- a. Mengikut perjanjian kontrak, projek ini melibatkan Peringkat Pertama dan Peringkat Kedua perlu disiapkan dalam tempoh 44 bulan bermula pada 1 November 2013 hingga 30 Jun 2017. Projek Peringkat Pertama perlu disiapkan dalam tempoh 30 bulan bermula 1 November 2013 hingga 30 April 2016. Projek Peringkat Kedua pula perlu disiapkan dalam tempoh 14 bulan bermula 1 Mei 2016 hingga 30 Jun 2017. Berdasarkan dokumen kontrak klausa 49.1, pihak kontraktor hendaklah memohon lanjutan masa (EOT) sekiranya tidak dapat menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan. Pengarah Projek perlu menilai dan memberi EOT yang sesuai jika alasan permohonan tersebut adalah munasabah.
- b. Semakan Audit terhadap fail pelaksanaan projek mendapati projek ini tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. Projek ini hanya disiapkan sepenuhnya pada 6 Julai 2017 setelah kontraknya dilanjutkan sehingga 24 Ogos 2017 (lebih awal daripada tarikh lanjutan masa yang diluluskan). Projek ini telah diberikan lanjutan masa selama 55 hari disebabkan masalah cuaca. Tempoh penyiapan projek Peringkat Pertama (Modul 6) telah dilanjutkan sehingga 24 Jun 2016 setelah mendapat EOT selama 29 hari. Bagi Peringkat Kedua (Modul 5) pula, EOT selama 26 hari telah dilulus dan tempoh penyiapan projek dilanjutkan sehingga 24 Ogos 2017. Butiran lanjut EOT yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**PERAKUAN KELAMBATAN DAN EOT YANG DILULUSKAN**

PROJEK	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS	TARIKH BARU SIAP PROJEK	SEBAB	KLAUSA	TEMPOH (Hari)
Peringkat Pertama (Modul 6)	22.02.2016		24.06.2016	Cuaca Buruk	49.19(c)	29
Peringkat Kedua (Modul 5)	29.07.2016	24.04.2017	24.08.2017	Cuaca Buruk	49.19(c)	26
<b>JUMLAH</b>						<b>55</b>

Sumber: Lembaga Air Kuching

- c. Semakan Audit terhadap Laporan Kemajuan Bulanan mendapati prestasi projek adalah baik dan mengikut jadual yang ditetapkan. Bagi tempoh bulan November 2013 hingga Mac 2017, sebanyak 41 Laporan Kemajuan Bulanan disediakan. Kemajuan fizikal yang dicapai setakat Julai 2017 termasuk komponen projek adalah 100% seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: Lembaga Air Kuching

**Pada pendapat Audit, output projek ini telah disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan.**

### 6.1.2. Pencapaian *Outcome*

#### a. Pencapaian Rizab Margin

- Berdasarkan dokumen kontrak, kerja naik taraf LRA Batu Kitang No. 3 berkemampuan untuk menghasilkan 400JLH, berkeupayaan membekalkan air terawat serta membekalkan kualiti air yang terjamin selaras dengan peraturan KKM. Semakan Audit mendapati perkara berikut:
  - Berdasarkan Persatuan Air Malaysia, naik taraf atau pembesaran loji dilaksanakan apabila rizab margin pengeluaran di bawah 10%.

Kementerian Utiliti Sarawak (KUS) dalam Pelan Utama Bekalan Air Sarawak menetapkan kerja naik taraf LRA perlu dilaksanakan sekiranya indikator rizab margin pengeluaran di bawah 20%. Ini adalah kerana naik taraf/pembinaan loji mengambil masa yang panjang.

- Semakan Audit terhadap rekod pengeluaran LRA Batu Kitang mendapati berlaku trend penurunan peratusan rizab margin bagi seluruh LRA Batu Kitang daripada 18.9% pada tahun 2014 kepada 9.7% pada tahun 2016 seperti dalam **Jadual 4**. Semakan lanjut Audit juga mendapati penurunan peratusan rizab margin bagi LRA Batu Kitang No. 3 iaitu daripada 24.4% pada tahun 2015 kepada 7.5% pada tahun 2016 seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 4  
STATUS RIZAB MARGIN SELURUH LRA BATU KITANG**

BIL.	LRA	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
		PERATUS (%)							
1.	Batu Kitang	26.3	24.9	22.5	18.9	15.1	9.7	28.5	23.3
2.	Garis Panduan KUS	20	20	20	20	20	20	20	20

Sumber: Rekod Pengeluaran LRA Batu Kitang

**JADUAL 5  
STATUS RIZAB MARGIN LRA BATU KITANG NO. 3 – KOMPONEN RAWATAN**


BIL.	LRA	2011	2012	2013	2014	2015	2016	2017	2018
		PERATUS (%)							
1.	Batu Kitang LRA No. 3	20.5	25.6	23.0	25.4	24.4	7.5	44.9	35.9
2.	Garis Panduan KUS	20	20	20	20	20	20	20	20

Sumber: Rekod Pengeluaran LRA Batu Kitang

### Maklum Balas LAK yang Diterima pada 19 Mac 2019

Penurunan rizab margin yang ketara pada tahun 2016 adalah kerana kerja naik taraf LRA No. 3 bagi seluruh LRA Batu Kitang iaitu 9.7% dan 7.5% bagi LRA Batu Kitang No. 3. Projek ini siap pada 22 Jun 2016 dengan kapasiti 200JLH dan reka bentuk kapasiti ini kekal sehingga Modul 5 disiapkan pada 6 Julai 2017. Keupayaan LRA No. 3 semasa dan selepas projek naik taraf adalah seperti jadual berikut:

**Jadual keupayaan loji semasa dan selepas pembinaan seperti di bawah:-**



**b. Pencapaian Kuantiti Pengeluaran Air Berkapasiti 400JLH**

Berdasarkan Pelan Jaminan Kualiti, LRA yang telah dinaik taraf perlu menjalani pengujian dan pentaulahan (T&C) selama tujuh (7) hari tanpa gagal serta mematuhi kualiti air mentah terawat. Semakan Audit mendapati T&C yang dijalankan di Peringkat Pertama (Modul 6) serta Peringkat Kedua (Modul 5) telah mencapai pengeluaran air berkapasiti 429.42JLH serta menghasilkan air terawat iaitu melebihi sasaran 400JLH. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6** hingga **Jadual 8**.

**JADUAL 6**  
**REKOD PENGELUARAN AIR MENTAH MODUL 6 – PAM NO. 1**  
**HINGGA PAM NO. 4 DAN PAM AIR TERAWAT NO. 1 HINGGA NO. 5**  
**BAGI TEMPOH 9 MEI 2016 HINGGA 16 MEI 2016 (PERINGKAT PERTAMA – MODUL 6)**

BIL.	TARIKH	TEMPOH (JAM)	AIR MENTAH YANG DIHASILKAN (METER PADU -m <sup>3</sup> )	AIR TERAWAT (METER PADU - m <sup>3</sup> )
1.	09.05.2016	-	13,983,066	2,562,940
2.	10.05.2016	12	14,091,423	2,668,012
3.	11.05.2016	24	14,279,710	2,862,676
4.	12.05.2016	24	14,489,598	3,063,904
5.	13.05.2016	24	14,699,522	3,264,640
6.	14.05.2016	24	14,910,819	3,472,050
7.	15.05.2016	24	15,118,546	3,666,560
8.	16.05.2016	24	15,334,949	3,879,434
9.	16.05.2016	12	15,427,745	3,966,670
<b>JUMLAH (M3)</b>		<b>168</b>	<b>1,444,679 *</b>	<b>1,403,730 **</b>
<b>BERSAMAAN (JLH)</b>			<b>206.38 *</b>	<b>200.53 **</b>

Sumber: Rekod Pengujian dan Pentaulahan

Nota: (\*) - 1. Jumlah Pengeluaran Air Mentah (7 hari)

$$\begin{aligned}
 &= 15,427,745 \text{ m}^3 - 13,983,066 \text{ m}^3 \\
 &= 1,444,679 \text{ m}^3 \\
 &= 206.38 \text{ JLH}
 \end{aligned}$$

(\*\*) - 2. Jumlah Pengeluaran Air Terawat (7 hari)

$$\begin{aligned}
 &= 3,966,670 \text{ m}^3 - 2,562,940 \text{ m}^3 \\
 &= 1,403,730 \text{ m}^3 \\
 &= 200.53 \text{ JLH}
 \end{aligned}$$

**JADUAL 7**  
**REKOD PENGELOUARAN AIR MENTAH PAM NO. 5 HINGGA PAM NO. 8**  
**BAGI TEMPOH 24 MEI 2017 HINGGA 31 MEI 2017 (PERINGKAT KEDUA – MODUL 5)**

BIL.	TARIKH	TEMPOH (JAM)	AIR MENTAH YANG DIHASILKAN (METER PADU -m <sup>3</sup> )	AIR TERAWAT (METER PADU -m <sup>3</sup> )
1.	24.05.2017	-	97,287,928	9,458,214
2.	25.05.2017	26	97,525,533	9,675,870
3.	26.05.2017	24	97,768,930	9,904,496
4.	27.05.2017	24	98,026,556	10,135,390
5.	28.05.2017	24	98,280,250	10,364,702
6.	29.05.2017	24	98,533,720	10,592,255
7.	30.05.2017	24	98,780,297	10,814,966
8.	31.05.2017	24	99,035,141	11,042,973
9.	31.05.2017	4	99,070,948	11,078,426
<b>JUMLAH</b>		<b>174</b>	<b>1,783,020 *</b>	<b>1,620,212 **</b>
<b>BERSAMAAN (JLH)</b>			<b>254.72 *</b>	<b>228.89 **</b>

Sumber: Rekod Pengujian dan Pentaulahan

Nota: (\*) - 1. Jumlah Pengeluaran Air Mentah (7 hari) = 99,070,948 m<sup>3</sup> – 97,287,928 m<sup>3</sup>  
= 1,783,020 m<sup>3</sup>  
= 254.72JLH

(\*\*) - 2. Jumlah Pengeluaran Air Terawat (7 hari)= 11,078,426 m<sup>3</sup> – 9,458,214 m<sup>3</sup>  
= 1,620,212 m<sup>3</sup>  
= 228.89JLH

**JADUAL 8**  
**RINGKASAN REKOD PENGELOUARAN AIR TERAWAT BAGI PERINGKAT**  
**PERTAMA DAN PERINGKAT KEDUA BAGI TEMPOH 24 MEI 2017 HINGGA 31 MEI 2017**

BIL	PROJEK	AIR TERAWAT (JLH)
1.	Peringkat Pertama (Modul 6)	200.53
2.	Peringkat Kedua (Modul 5)	228.89
<b>JUMLAH</b>		<b>429.42</b>

Sumber: Rekod Pengujian dan Pentaulahan

### c. Pencapaian Kualiti Air Terawat

Perkara 7.1.2 Keperluan Reka Bentuk Khusus dalam terma rujukan dokumen kontrak menetapkan supaya pihak kontraktor memberi jaminan sistem bekalan air yang dibangunkan mematuhi piawaian kualiti air minum yang telah ditetapkan oleh KKM. Semakan Audit terhadap rekod T&C mendapati ujian air kualiti terawat telah mematuhi piawaian kualiti KKM seperti dalam **Jadual 9** dan **Jadual 10**.

**JADUAL 9**  
**UJIAN KUALITI AIR BAGI PERINGKAT KEDUA (MODUL 5)**

BIL.	PARAMETERS		PURATA 7 HARI	LIMIT
<b>TARIKH: 24 November 2017 Hingga 31 Mei 2017</b>				
1.	Air Mentah	pH	6.89	6.5 -9.0
2.	Air Mentah	Kekeruhan	31	<1000
3.	Air Mentah	Warna	71	<300
4.	Air Mendap	Kekeruhan	1.78	<10
5.	Air Mendap	Aluminium sebagai Al	0.06	<0.2
6.	Air Bertapis Baharu	Kekeruhan	0.93	<2
7.	Air Bertapis Baharu	Klorin	0.54	N/A
8.	Air Bertapis Sedia Ada	Kekeruhan	0.68	<2
9.	Air Bertapis Baharu	Kekeruhan	2.31	<5
10.	Air Bertapis Baharu	pH	8.11	<8.5
11.	Air Bertapis Baharu	Sisa Fluorida	0.19	<0.5
12.	Air Bertapis Baharu	Sisa Fluorida	2.01	>2.0
13.	Air Bertapis Baharu	Aluminium sebagai Al	0.09	<0.2

Sumber: Rekod Pengujian dan Pentaulahan LAK

**JADUAL 10**  
**UJIAN KUALITI AIR BAGI PERINGKAT PERTAMA (MODUL 6)**

BIL.	PARAMETERS		PURATA 7 HARI	LIMIT
<b>TARIKH: 9 Mei 2016 hingga 16 Mei 2016</b>				
1.	Air Mentah	pH	6.91	6.5 -9.0
2.	Air Mentah	Kekeruhan	54	<1000
3.	Air Mentah	Warna	123	<300
4.	Air Mendap	Kekeruhan	3.40	<10
5.	Air Mendap	Aluminium sebagai Al	0.08	<0.2
6.	Air Mendap	pH	6.29	N/A
7.	Air Mendap	Warna	5.14	N/A
8.	Air Bertapis Baharu	Kekeruhan	1.39	<2
9.	Air Bertapis Baharu	Klorin	0.34	N/A
10.	Air Bertapis Baharu	pH	6.36	N/A
11.	Air Bertapis Sedia Ada	Kekeruhan	0.29	<2
12.	Air Bertapis Baharu	Kekeruhan	1.43	<5
13.	Air Bertapis Baharu	pH	8.14	<8.5
14.	Air Bertapis Baharu	Fluorida	0.32	<0.5
15.	Air Bertapis Baharu	Sisa Klorin	2.29	>2.0
16.	Air Bertapis	Aluminium sebagai Al	0.13	<0.2

Sumber: Rekod Pengujian dan Pentaulahan LAK

**Pada pendapat Audit, outcome keseluruhan projek telah dicapai dari segi pengeluaran air serta mencapai rizab margin yang ditetapkan. Ujian kualiti air juga menunjukkan pematuhan terhadap piawaian yang ditetapkan oleh KKM.**

### **6.1.3. Pencapaian Kewangan**

#### **a. Prestasi Kewangan**

- i. Dalam pelaksanaan projek, sumber kewangan merupakan antara salah satu input yang digunakan untuk menghasilkan output (pencapaian fizikal projek) bagi memastikan proses penghasilan output berjalan lancar serta mencapai *outcome* yang telah disasarkan.
- ii. Seksyen 9(1)(e), Ordinan Badan Berkanun, 1995 (Prosedur Kewangan dan Perakaunan), juga menghendaki kelulusan Setiausaha Kewangan Negeri (SFS) diperoleh terlebih dahulu sebelum meminjam daripada sumber kewangan lain selain daripada bank atau institusi kewangan.
- iii. Didapati projek ini dibiayai oleh pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM190 juta dan geran daripada kerajaan negeri berjumlah RM23.75 juta menjadikan keseluruhan pembiayaan berjumlah RM213.75 juta (kos siling projek).
- iv. Semakan Audit mendapati LAK telah memohon pinjaman Kerajaan Persekutuan melalui kerajaan negeri. Ini adalah selaras dengan Seksyen 9(1)(e). Sejumlah RM190 juta pinjaman telah diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan melalui dua (2) peringkat pinjaman. Pinjaman pertama berjumlah RM26 juta telah diluluskan pada 4 Jun 2014 manakala pinjaman kedua berjumlah RM164 juta diluluskan pada 15 April 2015. Butiran pinjaman dan geran adalah seperti dalam **Jadual 11**.

**JADUAL 11  
SUMBER PEMBIAYAAN PROJEK**

BIL.	SUMBER PEMBIAYAAN			JUMLAH (RM Juta)
	PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN/GERAN KERAJAAN NEGERI	TARIKH MOHON	TARIKH LULUS/ TERIMA	
1.	Pinjaman 1	04.03.2014	04.06.2014	26.00
2.	Pinjaman 2	04.03.2014	15.04.2015	164.00
<b>JUMLAH PINJAMAN</b>				<b>190.00</b>
3.	Geran Kerajaan Negeri	-	23.09.2014	23.75
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>213.75</b>

Sumber: Lembaga Air Kuching

- v. Mengikut dokumen kontrak klausa *Article 2*, jumlah kontrak yang perlu dibayar kepada kontraktor adalah sejumlah RM189.44 juta. Semakan Audit mendapati empat (4) Arahan Perubahan Kerja (APK) berjumlah RM1.43 juta telah diluluskan. Didapati setelah mengambil kira APK, nilai kontrak yang dilaras adalah berjumlah RM190.87 juta. Didapati APK ini mengakibatkan

pertambahan kos sebanyak 0.8%. Kerja yang terlibat dengan APK ini ialah membina bilik SCADA baharu, pemulihan sistem saliran paip sedia ada, pemasangan paip MSCL ke Perindustrian Bebas Samajaya dan membina benteng serta kerja mekanikal dan elektrikal. Sehingga bulan Disember 2018, sejumlah RM190.87 juta atau 96% telah dibayar kepada kontraktor. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12** hingga **Jadual 13** dan **Gambar 2** hingga **Gambar 5**.

**JADUAL 12**  
**TERIMAAN DAN PERBELANJAAN BAGI MEMBIAYAI**  
**PROJEK NAIK TARAF LOJI RAWATAN AIR BATU KITANG NO. 3**

BIL	KOS SILING PROJEK (RM Juta)	HARGA KONTRAK			PEMBIAYAAN DITERIMA			PERBELANJAAN (RM Juta)	(%)
		ASAL (RM Juta)	APK (RM Juta)	DILARAS (RM Juta)	PINJAMAN KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM Juta)	GERAN KERAJAAN NEGERI (RM Juta)	TOTAL AMAUN (RM Juta)		
1.	213.75	189.44	1.43	190.87	174.89	23.75	198.64	190.87	96


Sumber: Lembaga Air Kuching

**JADUAL 13**  
**ARAHAN PERUBAHAN KERJA (TAMBAHAN) YANG**  
**DILULUSKAN BAGI TEMPOH NOVEMBER 2013 HINGGA DISEMBER 2017**

NO. APK	JENIS KERJA	TARIKH DILULUSKAN	KOS (RM)
1	Bilik SCADA Berpusat di Bangunan Kimia Utara	03.11.2016	167,935
2	Pemulihan Sistem Saliran Sedia Ada	15.02.2017	321,717
3	MSCL Paip bergaris pusat 1000mm daripada Loji 3 ke Zon Perindustrian Bebas Samajaya	29.06.2017	899,215
4	Tambahan Benteng dan Kerja Mekanikal dan Elektrikal (M & E) ke Stesen Pam Air Terawat dan Stesen Pam Air Mentah	20.09.2017	40,618
<b>JUMLAH APK</b>			<b>1,429,485</b>
<b>KOS ASAL</b>			<b>189,443,840</b>
<b>HARGA KONTRAK TERLARAS</b>			<b>190,873,325</b>

Sumber: Lembaga Air Kuching

**GAMBAR 2**



APK No. 1: Bilik SCADA Berpusat di South Chemical Building LRA 3  
(08.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**



APK No. 2: Pemulihan Sistem  
Saliran Sedia Ada  
(08.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**



APK No. 3: MSCL Paip bergaris pusat 1000mm  
daripada Loji 3 ke Zon Perindustrian Bebas  
Samajaya  
(08.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**



APK No. 4: Tambahan Benteng dan Kerja  
Mekanikal dan Elektrikal ke Stesen Pam Air  
Terawat dan Stesen Pam Air Mentah  
(08.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- vi. Semakan Audit mendapati APK No. 4 bernilai RM40,618 lewat diluluskan. Mengikut CPC, projek ini disiapkan sepenuhnya pada 6 Julai 2017. Bagaimanapun, APK No. 4 hanya diluluskan pada 20 September 2017 iaitu lewat selama 76 hari lewat dari tarikh siap projek.

### **Maklum Balas LAK yang Diterima pada 19 Mac 2019**

Projek ini merupakan naik taraf loji yang sedia ada dan sukar untuk menjangkakan apa yang akan berlaku atau masalah yang timbul sewaktu naik taraf dilaksanakan.

**Pada pendapat Audit, prestasi kewangan projek adalah kurang memuaskan kerana kos pembinaan meningkat sebanyak 0.8% atau RM1.43 juta dan APK No. 4 lewat diluluskan.**

## **6.2. Pengurusan Projek**

### **6.2.1. Perancangan Projek**

#### **a. Kajian Kemungkinan**

- i. Kajian kemungkinan adalah suatu kajian pembangunan untuk menentukan sama ada projek itu patut dilaksanakan dengan cara terbaik untuk mengoptimumkan pulangan dari projek tersebut dan keperluan pembiayaan.
- ii. Semakan Audit mendapati pada bulan Jun 2009 syarikat daripada Australia bersama dengan syarikat No. 4610 telah melaksanakan pelan induk iaitu

Pelan Induk Bekalan Air Ketiga Lembaga Air Kuching yang merangkumi perancangan sehingga tahun 2030. Hasil daripada pelan induk tersebut, kontraktor No. Syarikat: 55314-K telah dijemput oleh LAK pada 25 Mei 2010 untuk menjalankan kajian kemungkinan ke atas potensi menaik taraf loji bagi peningkatan kapasiti pengeluaran air terawat. Kos kajian kemungkinan ditanggung oleh kontraktor. Hasil daripada kajian tersebut diputuskan perkara berikut:

- LRA No. 1 dianggap tidak sesuai untuk kerja naik taraf kerana usia loji yang lama;
  - Modul 7 dianggap terlalu baharu untuk kerja naik taraf;
  - Menaik taraf kemudahan LRA No. 2 sedia ada dari 96JLH hingga 120JLH tidak sesuai kerana kapasiti pengeluaran air terawat hanya 120JLH;
  - Menaik taraf kemudahan LRA No. 3 sedia ada dari 200JLH ke 400JLH; dan
  - Membina sebuah stesen pam air baharu 400JLH bagi menampung peningkatan kapasiti setelah loji dinaik taraf di LRA No. 3 untuk mengantikan stesen pam sedia ada.
- iii. Butiran kapasiti kemampuan LRA hasil daripada kajian kemungkinan tersebut selepas naik taraf adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**KAPASITI KEMAMPUAN LRA SEBELUM DAN SELEPAS NAIK TARAF**

BIL.	LRA NO.	KAPASITI REKA BENTUK (SEBELUM NAIK TARAF) (JLH)	KAPASITI REKA BENTUK (SELEPAS NAIK TARAF) (JLH)
1.	LRA No. 1 (Modul 1 & 2)	68	68
2.	LRA No. 2 (Modul 3 & 4)	96	96
3.	LRA No. 3 (Modul 5 & 6)	200	400
4.	LRA No. 4 (Modul 7)	100	100
5.	LRA No. 4 (Modul 8)	100	100
<b>JUMLAH PENGETUARAN</b>		<b>564</b>	<b>764</b>

Sumber: Kertas Cadangan Reka dan Bina Naik Taraf LRA No. 3 Batu Kitang oleh WET Sdn. Bhd.

- iv. Didapati hasil daripada kajian kemungkinan tersebut, Ahli Lembaga Pengarah LAK telah bersetuju untuk menaik taraf LRA No. 3 seperti dinyatakan dalam cabutan minit mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang diadakan pada 25 Julai 2013.

**Pada pendapat Audit, LAK telah mengambil kira syor hasil daripada laporan kajian kemungkinan sebelum melaksanakan projek ini.**

### **6.3. Pengurusan Perolehan Projek**

6.3.1. Berdasarkan Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006, Perenggan 4.1(a), perolehan kerja, bekalan dan perkhidmatan dengan anggaran kos projek melebihi RM500,000 hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri. Manakala perenggan 4.4 pula menyatakan bahawa sebarang pengecualian daripada prosedur Surat Pekeliling ini hendaklah mendapat kelulusan daripada Setiausaha Kewangan Negeri (SFS) terlebih dahulu sebelum membuat perolehan. Semakan Audit mendapati perkara berikut:

#### **a. Pelantikan Kontraktor**

- i. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bilangan 1 Tahun 2006, Perenggan 3.2 menyatakan proses perolehan hendaklah memberi peluang kepada semua yang layak untuk bersaing bagi memastikan tawaran yang kompetitif untuk mendapat nilai faedah yang terbaik.
- ii. Semakan Audit mendapati kerajaan negeri telah bersetuju menawar kontrak kepada kontraktor No. Syarikat: 55314-K. Tawaran kepada kontraktor tersebut dibuat secara rundingan terus untuk melaksanakan pembinaan Projek Naik Taraf LRA Batu Kitang No. 3. Syarikat tersebut dipilih kerana mempunyai pengalaman dan kapakaran dalam menjalankan kerja naik taraf loji rawatan air. Kontraktor tersebut mempunyai rekod prestasi kerja yang memuaskan semasa melaksanakan Projek Naik Taraf Modul 4 LRA Lambir, Miri dari 80JLH ke 160JLH pada tahun 2011. Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada kontraktor tersebut pada 30 Ogos 2013.

**Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor adalah baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan.**

### **6.4. Pentadbiran Kontrak**

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan mengikut syarat kontrak yang ditetapkan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang

ditetapkan bagi menjaga kepentingan kerajaan dan melicinkan urusan berkaitan pelaksanaan sesuatu projek. Semakan Audit mendapati Bon Pelaksanaan, Bon Jaminan Reka Bentuk, Polisi Insurans, Levi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), pengurusan bayaran interim dan bayaran pendahuluan telah dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam kontrak.

**Pada pendapat Audit, pentadbiran kontrak adalah baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan.**

## **6.5. Pengurusan Pembinaan**

6.5.1. Kontraktor melantik perunding No. Syarikat: 745655-H sebagai perunding utama untuk mereka bentuk dan menyelia projek ini bagi memastikan kerja dijalankan mengikut spesifikasi kontrak dan pada tahap yang boleh diterima pakai. Lawatan Audit pada 9 Januari 2019 ke tapak projek mendapati perkara berikut:

### **a. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak**

- i. Berdasarkan dokumen kontrak spesifikasi kerja awam Perkara 2.12.2.9 pemegang susur tangan hendaklah dipasang dengan keluli lembut di semua laluan jalan kaki walaupun kedalaman tangki melebihi 1.5m.
- ii. Lawatan Audit pada 9 Januari 2019 di lokasi tangki flokulasi mendapati laluan jalan kaki LRA tidak dipasang pemegang susur tangan walaupun kedalaman tangki tersebut melebihi 1.5m. Selain itu, jubin yang sedia ada licin dan boleh mendatangkan risiko kemalangan seperti dalam **Gambar 6**. Pemegang susur tangan yang dipasang adalah daripada besi galvani dan bukannya keluli lembut seperti spesifikasi dalam kontrak. **Gambar 7** adalah berkaitan.

**GAMBAR 6**

LRA Batu Kitang No. 3  
- Laluan Jalan Kaki LRA Tidak Dilengkapi Pemegang Susur Tangan  
(09.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**

LRA Batu Kitang No. 3  
- Pemegang Susur Tangan Berjenis Besi Galvani Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak  
(09.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas LAK yang Diterima pada 13 Mac 2019

Pihak LAK bersetuju untuk mengambil tindakan memasang pemegang susur tangan pada laluan jalan kaki LRA dengan menggunakan keluli lembut.

### Maklum Balas LAK yang Diterima pada 3 September 2019

Kerja pemasangan pemegang susur tangan menggunakan keluli lembut selaras dengan spesifikasi kontrak telah dilaksanakan di laluan jalan kaki LRA pada 23 dan 28 Ogos 2019 seperti dalam **Gambar 8** dan **Gambar 9**.

**GAMBAR 8**

LRA Batu Kitang No. 3  
- Kerja Pemasangan Pemegang Susur Tangan Berjenis Keluli Lembut di Laluan Jalan Kaki LRA Sedang Dijalankan  
(23.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 9**

LRA Batu Kitang No. 3  
- Pemegang Susur Tangan Berjenis Keluli Lembut  
Telah Dipasang di Laluan Jalan Kaki LRA  
(28.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**Pada pendapat Audit, pihak LAK telah mengambil tindakan pemberian dengan memuaskan seperti spesifikasi kontrak setelah teguran Audit.**

### **6.5.2. Pengujian dan Pentaulahan (T&C)**

- a. Bagi memastikan sistem bekalan air yang dibina memenuhi kriteria dan spesifikasi, kontrak menetapkan T&C perlu dilaksanakan ke atas kapasiti maksimum reka bentuk sebelum diperakui untuk pengeluaran Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC). Semakan Audit mendapati T&C telah dijalankan selama tujuh (7) hari pada tahun 2016 dan 2017 seperti kehendak kontrak. Antara T&C yang dijalankan adalah seperti jumlah pengaliran masuk air mentah ke loji, jumlah pengeluaran air dirawat, Ujian Kualiti Air, Loji Penjana dan Loji Elektrikal. Status T&C yang dijalankan adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**STATUS PENGUJIAN DAN PENTAULAHAN**

BIL.	PRA PENGUJIAN DAN PENTAULAHAN	PENGUJIAN DAN PENTAULAHAN	STATUS
1.	Suis gear dan Panel Pemula	Set Generator	Telah direkodkan
2.	Papan Pengedaran, Pencahayaan dan Kuasa Kecil	Loji Pam	
3.	Kabel	Penapis	
4.	Peralatan Elektrikal	Instrumentasi	
5.	Sistem Pembumian	Sistem SCADA	
6.	<i>Alternator</i>	TB	
7.	Injin Diesel	TB	
8.	Penapis	TB	
9.	Loji Mekanikal	TB	

Sumber: Lembaga Air Kuching

Nota: TB – Tidak Berkaitan

- b. Semakan Audit selanjutnya juga mendapati peralatan dan pemasangan yang diuji telah berfungsi dengan baik.

**Pada pendapat Audit, pengujian dan pentaulahan telah dijalankan dengan baik selaras dengan kehendak kontrak.**

### **6.5.3. Ujian Kebocoran Air**

- a. Berdasarkan Pelan Jaminan Kualiti dalam kontrak, ujian kebocoran air dibahagikan kepada tiga (3) perkara utama iaitu Ujian Ketahanan Struktur Air, Ujian Sistem Keseluruhan yang dilaksanakan setelah siap pembinaan dan ujian *Flushing* dan pengklorinan. Semakan Audit mendapati pengujian ketahanan struktur air telah dijalankan oleh pihak kontraktor dan telah disaksikan oleh perunding sebagai wakil Pengarah Projek.

- b. Semakan Audit terhadap rekod ujian kebocoran air mendapati pengujian sistem keseluruhan telah dilaksanakan ke atas semua komponen LRA dengan baik serta direkod seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**KEPERLUAN PENGUJIAN DAN PENTAULIAHAN DALAM KONTRAK**

JENIS UJIAN	T&C/SISTEM UJIAN
Ujian Kebocoran Tangki Air	Baik
Ujian Pentauliahan Instrumentasi, Mekanikal, Elektrikal	

Sumber: Lembaga Air Kuching

**Pada pendapat Audit, ujian kebocoran air telah dilaksanakan dengan baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan.**

## 6.6. Pemantauan Projek

6.6.1. Pemantauan terhadap kerja pembinaan hendaklah sentiasa dilakukan secara berterusan bagi memastikan projek yang dirancang dilaksanakan mengikut jadual, mematuhi skop dan spesifikasi kerja. Pemantauan yang berkesan dapat membantu meningkatkan kualiti kerja yang dilaksanakan dan menyelesaikan masalah yang berbangkit semasa pelaksanaan projek di tapak. LAK bertanggungjawab untuk memantau pelaksanaan projek sehingga tamat DLP.

6.6.2. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati kerja pemantauan terhadap projek dilaksanakan secara bersama antara perunding yang dilantik oleh kontraktor dan LAK. Pemantauan dijalankan melalui mesyuarat tapak dan lawatan tapak.

6.6.3. Semakan Audit seterusnya terhadap fail Mesyuarat Tapak mendapati mesyuarat tapak diadakan pada setiap bulan. Sepanjang tempoh pelaksanaan projek iaitu dari 1 November 2013 hingga 6 Julai 2017 sebanyak 30 mesyuarat tapak telah diadakan. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat tapak adalah berkaitan dengan isu kontrak, kewangan dan prestasi serta masalah pembinaan projek. Selain itu, lawatan ke tapak pembinaan juga dijalankan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap pelaksanaan projek adalah memuaskan.**

## **7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Pengauditan yang dilaksanakan pada bulan Disember 2018 hingga Februari 2019 merumuskan bahawa Projek Naik Taraf Loji Rawatan Air Batu Kitang No. 3 (Modul 5 dan 6) Kuching dilaksanakan dengan memuaskan dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

## **8. SYOR AUDIT**

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan projek, pihak Audit mengesyorkan LAK memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.1. memastikan spesifikasi dalam kontrak dipatuhi serta mengambil kira faktor keselamatan; dan
- 8.2. memastikan semua kerja pembaikan dibuat sebelum bayaran muktamad dilakukan.



2

## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

- Projek Darul Hana *Musical Fountain*



# **RINGKASAN EKSEKUTIF**

## **DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA**

### **PROJEK DARUL HANA *MUSICAL FOUNTAIN***

#### **Perkara Utama**

##### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan melibatkan penilaian terhadap projek pembinaan Darul Hana *Musical Fountain* bagi tempoh tahun 2018 hingga 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit iaitu prestasi dan pengurusan projek.
- Bagi prestasi projek, pencapaian output adalah memuaskan kerana projek disiapkan dalam tempoh dibenarkan.
- Pencapaian *outcome* dinilai terhadap kedatangan pengunjung menyaksikan persembahan *musical fountain*.
- Pengurusan program pula dinilai terhadap enam (6) perkara iaitu pengurusan kewangan, perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan, penyenggaraan dan pemantauan projek.
- Pengauditan melibatkan Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) selaku agensi pelaksana.

##### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- *Musical fountain* pertama dibina di atas sungai yang mengalir di negeri Sarawak.
- Kos pembinaan berjumlah RM32.86 juta yang ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Sarawak.
- Tempoh projek yang perlu disiapkan dalam masa 19 minggu.
- Projek ini menjadi tarikan *stakeholders*.

##### **Apa yang ditemui Audit?**

- Pengurusan projek dilaksanakan dengan berhemat dan berkesan:
  - Projek disiapkan dalam tempoh dibenarkan dan ramai pengunjung datang ke Tebingan Kuching.
- Wujud kelemahan dalam aspek kecekapan projek:
  - projek dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan menyebabkan DBKU menggunakan dana dalaman daripada projek lain.
  - Perangkap sampah belum dilaksanakan secara kekal menyebabkan tapak projek berisiko untuk tenggelam dilanggar oleh timbunan sampah dan kayu balak.
  - Laporan Penyeliaan yang dikemukakan tidak mempunyai semakan dan pengesahan daripada perunding.



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA

### 2. PROJEK DARUL HANA *MUSICAL FOUNTAIN*

#### FAKTA UTAMA

<b>18 Oktober 2018</b> Tarikh projek siap dengan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC)	<b>19 minggu</b> Tempoh pelaksanaan projek seperti dalam kontrak	<b>RM32.86 juta</b> Harga asal kontrak projek termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)
<b>Dewan Bandaraya Kuching Utara</b>	Ditubuhkan setelah Kuching dinaik taraf sebagai sebuah bandar raya pada 1 Ogos 1988 dengan mentadbir kawasan di utara Kuching.	
<b>Jabatan Perkhidmatan Pembangunan dan Lanskap DBKU</b>	Bahagian yang bertanggungjawab terhadap projek ini.	
<b>Kaedah Perolehan dan Jenis Pelaksanaan</b>	Rundingan terus & reka dan bina.	

#### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Projek Darul Hana *Musical Fountain* (DHMF) dibina di hadapan Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak sebagai satu ikon baharu di Tebingan Kuching. *Musical Fountain* ini juga merupakan tarikan baharu kepada pengunjung yang datang ke Kuching.

1.2. Projek ini dilaksanakan secara reka dan bina serta ditawarkan kepada syarikat No. 511654-V secara rundingan terus. Harga asal kontrak adalah bernilai RM32.86 juta termasuk Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST). Sumber kewangan bagi projek ini adalah daripada kerajaan negeri. Agensi pelaksana adalah Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU) dan Pengarah DBKU dilantik sebagai Pengarah Projek.

1.3. Syarikat No. 511654-V melantik empat (4) perunding bagi projek ini, iaitu perunding arkitek, kejuruteraan sivil (CE), mekanikal dan elektrikal (M&E) serta juruukur bahan (QS). Butiran projek dan pelan lokasi adalah seperti dalam **Jadual 1** dan **Peta 1**.

**JADUAL 1**  
**BUTIRAN PROJEK DARUL HANA MUSICAL FOUNTAIN**

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
1.	Nombor Kontrak	DBKU/CQS/P/WT/1/18
2.	Skop Projek	i. Ciri Air Lata (Cascading Water Features); ii. Bilik Kawalan; iii. Sistem pontun berukuran 110 meter x 15 meter lengkap dengan lengan sokongan; iv. Skrin penapis; v. Pam; vi. Nozel; vii. Sistem audio; dan viii. Lampu navigasi.
3.	Agensi Pelaksana	Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU)
4.	Pengarah Projek	Pengarah DBKU
5.	Jenis Perolehan	Rundingan Terus
6.	Kaedah Pelaksanaan	Reka dan Bina
7.	Kos Siling Projek	RM33.76 juta
8.	Harga Kontrak	RM32.86 juta
9.	Kontraktor	No. 511654-V
10.	Tarikh Surat Setuju Terima	16 April 2018
11.	Tarikh Kontrak Ditandatangani	17 Julai 2018
12.	Tarikh Milik Tapak	23 April 2018
13.	Tempoh Kontrak	i. 13 minggu – Ciri Air Lata ii. 19 minggu – Keseluruhan skop kerja
14.	Tarikh Siap Asal Projek	1 September 2018
15.	Lanjutan Masa	49 hari
16.	Tarikh Siap Baharu Projek	20 Oktober 2018
17.	Tarikh Mula Operasi	14 Oktober 2018

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

**PETA 1**  
**PELAN LOKASI PROJEK DARUL HANA MUSICAL FOUNTAIN**



Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai sama ada projek DHMF telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan bagi mencapai objektif ditetapkan, iaitu menyiapkan pembinaan *musical fountain* dalam tempoh yang ditetapkan.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

<b>SAMPEL</b>		
<b>Prestasi Projek</b>	<b>Pengurusan Projek</b>	
Kerja pembinaan: • Ciri Air Lata • Bilik Kawalan • sistem pontun • skrin penapis • pam • nozel • sistem audio • lampu navigasi		3.1. Skop pengauditan merangkumi dua (2) bidang Audit utama, iaitu prestasi dan pengurusan projek. Prestasi projek boleh dinilai berdasarkan kepada elemen pencapaian output projek dan pencapaian <i>outcome</i> . Pengurusan projek pula meliputi enam (6) perkara, iaitu pengurusan kewangan, perolehan, pentadbiran kontrak, pengurusan pembinaan, penyenggaraan dan pemantauan projek. Skop pengauditan ini meliputi kerja pembinaan ciri air lata ( <i>Cascading Water Features</i> ), bilik kawalan, sistem pontun berukuran 110 meter x 15 meter lengkap dengan lengan sokongan, skrin penapis, pam, nozel, sistem audio dan lampu navigasi bagi tahun 2018 dan 2019.
2018 – Ogos 2019		

3.2. Pengauditan dijalankan di Pejabat Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU), Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak dan Pejabat Unit Pentadbiran, Jabatan Ketua Menteri Sarawak (JKM).

## **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, minit mesyuarat, dokumen kontrak dan fail berkaitan dengan projek ini seperti fail perancangan, pelaksanaan, pelan tindakan, manual atau garis panduan. Selain itu, semakan dibuat terhadap laporan kemajuan kerja dan rekod kewangan. Lawatan Audit ke tapak projek pada 15, 16 Januari dan 18 April 2019 bersama pegawai teknikal Jabatan Audit Negara, pegawai DBKU, kontraktor dan perunding juga diadakan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai terlibat juga dijalankan.

## **5. RUMUSAN AUDIT**

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Ogos 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

### **5.1.1. Prestasi Projek**

Secara keseluruhannya, projek ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan kerana projek disiapkan dalam tempoh dibenarkan, iaitu pada 18 Oktober 2018 dan telah dilancarkan pada 14 Oktober 2018. Prestasi *outcome* adalah memuaskan kerana kedatangan pengunjung yang menyaksikan persembahan *musical fountain* meningkat.

### **5.1.2. Pengurusan Projek**

Secara keseluruhannya, pengurusan projek adalah cekap, berhemat dan berkesan dari segi perolehan kontrak, pengurusan pembinaan, penyenggaraan dan pemantauan projek. Bagaimanapun, aspek pengurusan kewangan dan pentadbiran kontrak adalah kurang memuaskan serta perlu ditambah baik.

5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberikan perhatian adalah seperti berikut:

- a. Projek dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan menyebabkan DBKU menggunakan dana dalaman daripada projek lain.
- b. Perangkap sampah belum dilaksanakan secara kekal menyebabkan tapak projek berisiko untuk tenggelam dilanggar oleh timbunan sampah dan kayu balak.
- c. Laporan Penyeliaan yang dikemukakan tidak mempunyai semakan dan pengesahan daripada perunding.

## **6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Perkara yang ditemui serta maklum balas DBKU telah dibincangkan dalam *exit conference* pada 15 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti di perenggan berikut:

## 6.1. Prestasi Projek

### 6.1.1. Pencapaian Output

- a. Berdasarkan Klausula 1.1(e) – Tempoh Pelaksanaan Kerja yang dinyatakan dalam Surat Setuju Terima adalah bermula dari tarikh milik tapak, iaitu pada 23 April 2018 hingga 22 Julai 2018 (13 minggu) bagi kerja ciri air lata. Tempoh Pelaksanaan Kerja bagi keseluruhan projek pula ialah sehingga 1 September 2018 (19 minggu).
- b. Semakan Audit mendapati tarikh siap baharu projek adalah pada 20 Oktober 2018 setelah mendapat Lanjutan Masa (EOT) sebanyak 49 hari berbanding tarikh siap asal projek pada 1 September 2018.
- c. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek telah disiapkan dengan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) pada 18 Oktober 2018 berbanding tarikh siap sebenar projek pada 20 Oktober 2018 selepas EOT diluluskan. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan penyenggaraan adalah selama 24 bulan bermula 18 Oktober 2018 sehingga 17 Oktober 2020. Keadaan projek yang telah siap adalah seperti dalam **Gambar 1** dan **Gambar 2**.

**GAMBAR 1**



**GAMBAR 2**



Darul Hana *Musical Fountain*

- Keadaan Projek DHMF Siap  
(16.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- d. Prestasi kemajuan kerja fizikal Projek DHMF adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**PENCAPAIAN OUTPUT PROJEK BERBANDING JADUAL PELAKSANAAN PROJEK**



Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

**Pada pendapat Audit, pencapaian output adalah memuaskan kerana projek telah disiapkan dalam tempoh yang dibenarkan.**

#### **6.1.2. Pencapaian *Outcome***

- Outcome* projek ini adalah untuk meningkatkan kedatangan pengunjung dan pelancong serta merancakkan ekonomi dalam bidang pelancongan di kawasan Tebingan Kuching.
- Secara keseluruhannya, *outcome* projek dari segi peningkatan pengunjung adalah memuaskan kerana kedatangan pengunjung menyaksikan persembahan *musical fountain* meningkat. Lawatan Audit pada 21 Ogos 2019 mendapati persembahan *musical fountain* adalah seperti dalam **Gambar 3** dan **Gambar 4**.

**GAMBAR 3**



Tebingan Kuching  
- Persembahan *Musical Fountain*  
(21.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)


**GAMBAR 4**



Tebingan Kuching  
- Suasana Ketika Persembahan *Musical Fountain*  
(21.08.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

c. Pihak Audit mendapati DBKU telah menjalankan tinjauan pengunjung sepanjang bulan Disember 2018 dan mendapati kedatangan pengunjung meningkat semasa persembahan *musical fountain*. Tinjauan kedatangan pengunjung dibuat oleh DBKU dengan mengambil kedatangan pengunjung secara manual. Tinjauan dibuat di kawasan bilik kawalan dengan sampel diambil pada dua (2) lokasi, iaitu di Lokasi A (sebelah kiri bilik audio) dan Lokasi B (sebelah kanan bilik audio) yang terletak di Tebingan Kuching. Secara keseluruhannya, jumlah kedatangan pengunjung semasa persembahan adalah tinggi berbanding sebelum persembahan. Analisis Audit mendapati jumlah kedatangan tertinggi adalah pada 10 Disember 2018, iaitu seramai 640 orang manakala jumlah kedatangan terendah adalah pada 21 Disember 2018 disebabkan oleh hujan lebat. Hasil analisis adalah seperti dalam **Carta 2**.

**CARTA 2**  
**PERBANDINGAN KEHADIRAN PENGUNJUNG SEBELUM DAN SEMASA PERSEMBAHAN**



Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

d. Bagaimanapun, DBKU belum mempunyai mekanisme untuk menilai *outcome* merancakkan ekonomi dalam bidang pelancongan di kawasan Tebingan Kuching.

### Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 22 April 2019

DBKU memaklumkan bahawa kajian awam terhadap kepuasan pengunjung di Tebingan Kuching akan dibuat sebanyak dua (2) kali setahun. Kajian awam yang pertama telah diadakan pada bulan Disember 2018 manakala kajian awam kali kedua akan dibuat selepas penyerahan pengurusan Tebingan Kuching kepada DBKU pada bulan Ogos 2019.

## **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 26 Ogos 2019**

DBKU memaklumkan bahawa kajian awam terhadap kepuasan pengunjung di Tebingan Kuching sedang dijalankan sepanjang bulan Ogos 2019.

**Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* kedatangan pengunjung ke Tebingan Kuching adalah memuaskan kerana terdapat peningkatan yang ketara dalam kajian awam yang dijalankan oleh DBKU. Bagaimanapun, pihak Audit belum dapat menilai pencapaian *outcome*, iaitu kedatangan pelancong dari luar Kuching dan merancakkan ekonomi dalam bidang pelancongan di kawasan Tebingan Kuching kerana DBKU belum mempunyai mekanisme pengukuran.**

### **6.2. Pengurusan Projek**

#### **6.2.1. Pengurusan Kewangan**

##### **a. Peruntukan Kewangan Projek**

- i. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 7/2017, Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri, Bab 4, Perenggan 5.2 (a) menyatakan sekiranya kementerian/jabatan menerima cadangan projek daripada kontraktor, kementerian/jabatan hendaklah menyemak sama ada projek itu tersenarai dalam projek Rancangan Malaysia Negeri lima tahun dan mempunyai peruntukan mencukupi. Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Bil. 5/2017 perenggan 4.1.2 menyatakan hanya projek yang dikemukakan atau diluluskan dalam RMKe-11 oleh kerajaan negeri boleh dimasukkan dalam rancangan bajet.
- ii. Semakan Audit mendapati kerajaan negeri telah meluluskan kos siling projek ini berjumlah RM33.76 juta pada 29 Mac 2019. Bagaimanapun, projek ini tidak disenaraikan dalam RMKe-11 atau Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negeri Sarawak Tahun 2018.
- iii. Semakan Audit terhadap Nota Perbincangan Mengenai Peruntukan Projek bertarikh 30 Mei 2018 mendapati kerajaan negeri telah memutuskan DBKU dikehendaki mendahuluikan perbelanjaan menggunakan dana dalaman.

Kerajaan negeri akan membayar balik kepada DBKU setelah kelulusan DUN diperoleh.

- iv. Semakan Audit mendapati peruntukan projek *1st Supplementary Estimates of Development Expenditure* Tahun 2018 untuk *Waterfront & Musical Fountain* berjumlah RM33.76 juta telah diluluskan dalam Persidangan DUN Ke-18 Mesyuarat Pertama bagi Penggal Ketiga pada 12 Julai 2018.
- v. Semakan Audit terhadap rekod kewangan mendapati DBKU telah mendahuluikan perbelanjaan yang diperlukan dengan menggunakan dana dalaman. Dana dalaman yang digunakan adalah Kumpulan Wang Amanah Pembangunan bagi Projek JKR-*Proposed Boulevard Petra Jaya* yang berbaki sejumlah RM29.50 juta. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM14.12 juta telah digunakan untuk bayaran interim pertama dan kedua.
- vi. Maklumat kewangan projek DHMF setakat bulan Ogos 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2  
MAKLUMAT KEWANGAN PROJEK DARUL HANA *MUSICAL FOUNTAIN***

KOS SILING PROJEK (RM Juta)	HARGA ASAL KONTRAK (RM Juta)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM Juta)	SUMBER PERUNTUKAN	PERBELANJAAN SETAKAT BAYARAN INTERIM KEEMPAT (RM Juta)	BAKI PERUNTUKAN (RM Juta)
33.76	32.86	31.89	Kerajaan Negeri	30.99 (97.2%)	0.90 (2.8%)

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

**Pada pendapat Audit, peruntukan kewangan untuk pelaksanaan projek adalah kurang memuaskan kerana projek dilaksanakan sebelum peruntukan diluluskan.**

### **6.2.2. Perolehan Projek**

#### **a. Pelantikan Kontraktor**

- i. Mengikut Surat Pekeliling Setiausaha Kewangan Negeri Sarawak Bil. 7/2017, Tatacara Perolehan Kerajaan Negeri, Bab 4 – Perolehan kerja untuk rundingan terus yang melibatkan nilai yang melebihi RM5 juta hendaklah dikemukakan kepada kerajaan negeri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Jabatan juga hendaklah membuat penilaian dengan mengambil kira cadangan projek yang dikemukakan oleh kontraktor dan menyediakan kertas cadangan untuk pertimbangan kerajaan negeri.

- ii. Semakan Audit mendapati Syarikat 511654-V telah mengemukakan cadangan projek ini pada 27 Februari 2018 kepada kerajaan negeri. Kerajaan negeri seterusnya meluluskan projek ini pada 29 Mac 2018 dengan kaedah perolehan secara rundingan terus dan DBKU sebagai Pengarah Projek dan ditawarkan kepada Syarikat 511654-V. Pada 19 April 2018, kerajaan negeri telah meluluskan projek ini dengan syarat seperti berikut:
  - Projek ini disiapkan sebelum perayaan Hari Malaysia Peringkat Kebangsaan pada 16 September 2018;
  - Kelulusan kos siling sebanyak RM33.76 juta; dan
  - Jawatankuasa Kos membuat keputusan terhadap rundingan harga terakhir.
- iii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat rundingan harga bertarikh 5 April 2018 mendapati DBKU dan JKR Sarawak menyatakan bahawa harga yang ditawarkan oleh Syarikat No. 511654-V, iaitu sejumlah RM34.29 juta (tidak termasuk GST) adalah terlalu tinggi dan melebihi harga siling yang diluluskan. Harga ini telah diturunkan kepada RM32.86 juta (termasuk GST) dan telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kos pada 6 April 2018. Penurunan harga sejumlah RM1.35 juta atau 4.2% ini adalah kerana kerja dan peralatan yang dibekalkan boleh diperoleh di pasaran tempatan.
- iv. Permohonan pengecualian tender bagi perolehan secara rundingan terus telah diluluskan pada 3 April 2018 selaras dengan Peraturan 221 *The Local Authorities Financial Regulations, 1997 - Part VII (Procurement for Works, Supplies and Services)*.
- v. Semakan Audit selanjutnya mendapati justifikasi kaedah perolehan projek dilaksanakan secara rundingan terus kerana projek ini perlu disiapkan dalam tempoh yang singkat. Selain itu, ia juga disebabkan kompleksiti pembinaan projek dan kerjasama Syarikat 511654-V bersama pembekal dari negara China yang mahir dalam bidang *waterscape* serta *musical fountain*.

vi. Semakan Audit terhadap profil syarikat mendapati Syarikat 511654-V telah ditubuhkan sejak tahun 2000 dan berdaftar bawah kategori Kerja Pembinaan Kelas A dan Kerja Kejuruteraan Sivil Kelas B. Selain itu, Syarikat 511654-V pernah terlibat dalam projek pembinaan dan kejuruteraan tetapi tidak pernah terlibat dalam projek pemasangan *waterscape* dan pembinaan *musical fountain*. Semakan Audit selanjutnya mendapati Syarikat 511654-V telah melantik perunding Syarikat 1038665-X dan Syarikat 164141-H yang sebelum ini pernah membina bangunan utama serta kerja berkaitan di Kompleks DUN Sarawak.

### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019**

DBKU memaklumkan bahawa tawaran harga yang diterima adalah secara *lump sum* dan DBKU telah menerima kelulusan daripada kerajaan negeri dengan siling RM33.76 juta. DBKU menyatakan bahawa kontrak projek ini adalah antara DBKU dan *Main Contractor* iaitu Syarikat No. 511654-V.

**Pada pendapat Audit, perolehan projek secara rundingan terus telah dilaksanakan dengan teratur. Pihak Audit juga berpendapat keputusan kerajaan negeri untuk melaksanakan kaedah perolehan secara rundingan terus atas justifikasi yang ditetapkan serta rundingan harga yang telah diluluskan adalah munasabah.**

#### **6.2.3. Pentadbiran Kontrak**

Pentadbiran kontrak hendaklah dilaksanakan berdasarkan Dokumen Kontrak dan Tatacara Operasi Standard yang ditetapkan bagi sesuatu jabatan bagi memastikan pembinaan sesuatu projek mencapai piawaian serta kualiti yang ditetapkan. Aspek pentadbiran kontrak yang disemak meliputi EOT, DLP, pemindahan teknologi dan kebenaran daripada Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) bagi isu berkaitan pemasangan perangkap sampah secara kekal. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

##### **a. Lanjutan Masa (EOT)**

- i. Berdasarkan Klausula 49 dalam kontrak yang ditandatangani, lanjutan masa boleh diberi sekiranya dibuktikan bahawa berlakunya perkara di luar kawalan

kontraktor yang mengakibatkan kelewatan penyiapan projek. Semakan Audit mendapati EOT telah diluluskan oleh DBKU sebanyak 49 hari pada 26 Oktober 2018. Permohonan EOT adalah kerana masalah penghantaran pam dan nozel oleh pembekal dari negara China lewat disebabkan oleh angin taufan Ampil. Peralatan tersebut ditempah dari pembekal pada 5 April 2018 dan sepatutnya sampai pada 8 Julai 2018 tetapi hanya sampai di tapak projek pada 26 Ogos 2018. Syarikat No. 511654-V hanya dimaklumkan oleh pembekal mengenai perkara ini pada 27 Ogos 2018 dan telah memohon EOT sebanyak 50 hari pada 28 Ogos 2018.

- ii. Pihak Audit mendapati kelewatan DBKU meluluskan EOT adalah disebabkan Syarikat No. 511654-V tidak melampirkan dokumen yang lengkap, iaitu laporan program kerja, salinan surat kelewatan penghantaran peralatan daripada pembekal dan laporan kejadian taufan Ampil. Bagaimanapun, Syarikat No. 511654-V telah mengemukakan dokumen sokongan tersebut pada 26 September 2018. Butiran lanjut mengenai permohonan dan kelulusan EOT adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3  
PERMOHONAN DAN KELULUSAN EOT**

TARIKH PERMOHONAN (A)	TARIKH PENGHANTARAN DOKUMEN YANG TIDAK LENGKAP (B)	TARIKH KELULUSAN EOT (C)	TEMPOH KELULUSAN DARI TARIKH PERMOHONAN EOT (Hari) (A – C)	TEMPOH KELULUSAN DARI TARIKH PENGHANTARAN DOKUMEN TIDAK LENGKAP (Hari) (B – C)
28.08.2018	26.09.2018	26.10.2018	60	31

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019**

DBKU menyatakan kelewatan meluluskan permohonan EOT adalah disebabkan kontraktor tidak mengemukakan dokumen sokongan yang lengkap.

**Pada pendapat Audit, justifikasi untuk kelulusan EOT adalah munasabah tetapi tempoh EOT diluluskan mengambil masa yang lama.**

## b. Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP)

- i. Berdasarkan Klausula 44.4 *Standard Form of Design and Build Contract PWD FORM DB* (Rev.1/2010) – Kontraktor hendaklah menjalankan sebarang kerja tertunggak sepanjang tempoh DLP hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan oleh Pengarah Projek. Berdasarkan Klausula 47.2 – Kontraktor hendaklah pada bila-bila masa semasa DLP membaik pulih apa-apa kecacatan, ketidak sempurnaan, pengecutan atau apa-apa kegagalan lain yang disebabkan oleh reka bentuk, bahan, barang, kemahiran atau peralatan yang tidak mengikut kontrak, seperti ditentukan oleh Pengarah Projek dalam arahan bertulis kepada kontraktor.
- ii. Semakan Audit mendapati DLP untuk projek ini adalah selama 24 bulan bermula 18 Oktober 2018 sehingga 17 Oktober 2020.
- iii. Semakan Audit selanjutnya terhadap Laporan Pemantauan Terakhir Senarai Kecacatan hasil daripada pemeriksaan oleh DBKU pada 25 Oktober 2018 dan 21 November 2018 mendapati terdapat kerosakan yang perlu dibaiki oleh Syarikat No. 511654-V dalam tempoh DLP.
- iv. Semakan Audit seterusnya mendapati sebanyak 25 daripada 25 penemuan kerosakan telah dibaiki oleh Syarikat No. 511654-V. Status pembaikan bagi penemuan kerosakan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**STATUS PEMBAIKAN TERHADAP KEROSAKAN LAPORAN**  
**PEMANTAUAN TERAKHIR SENARAI KECACATAN SETAKAT BULAN OGOS 2019**

BIL.	LOKASI	PENEMUAN	STATUS
<b>Pemeriksaan Pada 25 Oktober 2018</b>			
1.	Bilik Kawalan/Papan Suis Utama/ Pengubah	Kabel masuk utama hendaklah ditukar mengikut kod berwarna (merah, kuning dan biru)	Selesai
2.		Kotak pelindung dalam Bilik Suit Utama antara suis utama dan BUS br.	
3.		Kabel untuk kawalan sistem tidak dilabelkan	
4.		Injap tangki CO2 (sistem perlindungan kebakaran) berkarat belum digantikan	
5.		Kabel Bawah Tanah tidak dilindungi dengan betul	
6.		Sistem masih dalam Bahasa Cina belum ditukar ke Bahasa English	
7.	Kawasan Kompaun	Kabel tidak dilabelkan dengan betul dengan mengikut piawai	Selesai
8.	Pontun	Beberapa bahagian di ponton telah lekuk	Selesai
9.	Sistem Lata ( <i>Cascading System</i> )	Terdapat sampah atau sisa pembinaan di dalam landskap air lata	Selesai
10.	Pontun	Pengujian sistem api belum dilaksanakan selepas dibaiki	Selesai
11.	Pontun	Semua <i>moving heads</i> dan projektor perlu kalibrasi dan penjajaran semula	Selesai

BIL.	LOKASI	PENEMUAN	STATUS
<b>Pemeriksaan Pada 21 November 2018</b>			
12.	Musical Fountain DUN	Lampu kotor atau tidak terang. Keadaan lampu terlalu tenggelam dan menyebabkan lumut melekat pada permukaan lampu dengan cepat walaupun telah dibersihkan	Selesai
13.		Lagu kadangkala lambat daripada video kerana pada ketika video kedua telah pun dimulakan, lagu selingan masih lagi belum berhenti. Lagu tidak lagi serentak seperti sebelumnya	
14.		Terdapat beberapa nozel tidak berfungsi	
15.		Program laser dimainkan secara manual tidak lagi <i>autoplay</i> dan berkemungkinan tatapan untuk laser bagi program ini telah berubah	
16.		Dimainkan secara manual sehingga habis pertunjukan	
17.	Handclap	Lampu kotor atau tidak terang	Selesai
18.		Laser hanya berjalan beberapa saat dan kemudian berhenti. Juga berkemungkinan tatapan bagi program ini telah berubah	
19.		Laser juga dimainkan secara manual sehingga habis pertunjukan	
20.		Terdapat beberapa biji nozel tidak bergerak	
21.	P.Ramlee	Lampu kotor/tidak terang	Selesai
22.		Terdapat beberapa biji nozel tidak bergerak	
23.	Panama	Telah diberhentikan untuk memasukkan program ini di dalam senarai main pada Sabtu 17 November 2018 kerana terdapat masalah pada tatapan	Selesai
24.		<i>Water screen</i> untuk projektor video telah keluar di tapak pertunjukan sebaik sahaja lagu/program dimulakan	
25.		Akan dimasukkan ke dalam senarai main sekiranya telah ditetapkan semula	

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

### Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019

DBKU menyatakan bahawa semua butiran kecacatan hasil pemeriksaan pada 25 Oktober dan 21 November 2018 oleh DBKU telah diambil tindakan dan telah diselesaikan.

### Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 22 April 2019

DBKU menyatakan bahawa pemberian terhadap Laporan Pemantauan Terakhir Senarai Kecacatan telah dilaksanakan oleh kontraktor.

**Pada pendapat Audit, pengurusan DLP telah diuruskan dengan cekap kerana semua kerosakan yang dilaporkan telah diselesaikan.**

### **c. Pemindahan Teknologi**

- i. Berdasarkan Klausula 70 *Standard Form of Design and Build Contract PWD FORM DB* (Rev.1/2010) – Sekiranya kontraktor melantik kepakaran dari luar negara, kontraktor hendaklah memastikan bahawa pegawai Kerajaan dilatih atau didedahkan kepada kepakaran luar tersebut mengikut program pemindahan teknologi.
- ii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat bertarikh 5 April 2018 mendapati Syarikat No. 511654-V bersetuju untuk menyediakan latihan teknikal dan operasi untuk kakitangan teknikal dan pengendali sistem *musical fountain*. Semakan Audit selanjutnya mendapati dua (2) pegawai DBKU telah diberikan latihan pada 15 Oktober 2018 dan latihan tersebut akan diteruskan sebanyak satu (1) kali dalam tempoh empat (4) bulan.
- iii. Setakat bulan Ogos 2019, Syarikat No. 511654-V telah mengadakan latihan pada 13 Januari 2019 yang dihadiri oleh dua (2) pegawai DBKU dan latihan pada 13 Mei 2019 dihadiri oleh tujuh (7) pegawai DBKU.

#### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019**

DBKU menyatakan latihan telah diadakan pada 13 Januari 2019 dan telah dihadiri oleh dua (2) pegawai DBKU dari Unit Mekanikal dan Elektrikal. Rancangan latihan seterusnya bagi tahun 2019 akan diadakan pada 13 Mei dan 13 September 2019.

#### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 22 April 2019**

DBKU menyatakan bahawa pemindahan teknologi dibuat secara berperingkat melalui latihan kepada kakitangan DBKU. Tatacara Operasi Standard bagi pengoperasian *musical fountain* telah disediakan. Bagaimanapun, Tatacara Operasi Standard lain seperti *troubleshooting* dan penyenggaraan akan diberi oleh kontraktor pada latihan akan datang.

#### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 26 Ogos 2019**

DBKU menyatakan bahawa latihan terhadap pemindahan teknologi pada bulan Mei 2019 telah diadakan.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pemindahan teknologi telah diuruskan dengan baik kerana latihan yang diberikan mengikut syarat yang ditetapkan dalam kontrak.**

**d. Kebenaran Daripada Lembaga Sungai-sungai Sarawak**

- i. Berdasarkan Klausula 69.1 *Standard Form of Design and Build Contract PWD FORM DB* (Rev.1/2010) – Kontraktor hendaklah mematuhi semua undang-undang, peraturan, arahan atau perintah dari pihak berkuasa berkaitan dalam memastikan keselamatan projek terjamin.
- ii. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati Lembaga Sungai-sungai Sarawak (LSS) dimaklumkan pada 25 April 2018 oleh Syarikat No. 511654-V bahawa projek ini melibatkan pemasangan pontun untuk menempatkan pam dan peralatan lampu dan dipasang secara tetap. Semakan Audit mendapati kebenaran untuk melaksanakan projek ini telah diberikan oleh LSS kepada Syarikat No. 511654-V pada 22 Mei 2018 dengan syarat pelaksanaan projek hendaklah mematuhi sepenuhnya *The Sarawak Rivers (Cleanliness) Regulations, 1993* dan *The Sarawak Rivers (Traffic) Regulations, 1993*. Pihak Audit juga mendapati perkara berikut:

**iii. Pemasangan Perangkap Sampah Secara Kekal Belum Dilaksanakan**

- Semakan Audit terhadap surat Kementerian Perancangan Bandar dan Sumber Asli (KPBSU) bertarikh 9 September 2018 mendapati KPBSU telah meminta DBKU mendapatkan ulasan daripada LSS mengenai aspek teknikal dan anggaran kos pemasangan alat penghadang sampah di kawasan tapak projek.
- Semakan Audit terhadap surat LSS bertarikh 22 November 2018 mendapati LSS telah memohon supaya Syarikat No. 511654-V mengemukakan cadangan dengan mengambil kira *Worst Case Scenario* untuk menjaga atau mengelak tapak Projek DHMF musnah oleh sampah hanyut. Setakat akhir bulan Disember 2018, Syarikat 164141-H belum lagi mengemukakan cadangan yang diperlukan.
- Semakan Audit terhadap surat LSS bertarikh 5 Disember 2018 mendapati perkara berikut:

- Terdapat tujuh (7) perangkap sampah dipasang oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak dari Kampung Tupong hingga ke Paroh. Perangkap ini direka untuk memerangkap sampah terapung sahaja dan ia tidak banyak membantu keperluan DHMF. Muatan setiap perangkap ini adalah lebih kurang dua (2) tan;
- Semua perangkap sampah dibuka jika berlaku banjir untuk mengelak risiko semua perangkap terputus secara berantai yang boleh mengakibatkan *logjam* dan membahayakan fasiliti serta aktiviti pengangkutan sungai di kawasan hilir sungai terutamanya di kawasan Tebingan Kuching; dan
- Semasa aktiviti *flushing out* di baraj pada musim banjir, timbunan sampah hanyut dari kawasan hulu boleh memudaratkan tapak DHMF jika langkah mitigasi tidak diambil.
- Lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati *deflector* sementara telah dipasang oleh Syarikat No. 511654-V di tapak seperti dalam **Gambar 5**.



**GAMBAR 5**

Sungai Sarawak  
- *Deflector* yang Dipasang di Tapak Projek  
DHMF  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019

DBKU menyatakan bahawa pada masa ini *deflector* sementara telah disediakan untuk memerangkap sampah.

### Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 26 Ogos 2019

DBKU menyatakan bahawa pemasangan *deflector* secara kekal masih dalam kajian reka bentuk yang sesuai.

**Pada pendapat Audit, pengurusan terhadap arahan pemasangan perangkap sampah secara kekal adalah kurang memuaskan kerana belum dilaksanakan.**

#### **6.2.4. Pengurusan Pembinaan**

Kontraktor hendaklah memastikan kerja dijalankan mengikut spesifikasi kontrak dan pada tahap yang boleh diterima pakai. Lawatan Audit pada 15, 16 Januari dan 18 April 2019 ke tapak projek mendapati perkara seperti berikut:

##### **a. Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi yang Ditetapkan**

###### **i. Kotak Pembumian Tidak Dipasang**

- *The Electricity Rules, 1999 (Sarawak Electricity Ordinance)*: Peraturan 35 – pemasangan sistem pembumian konduktor yang lengkap dibuat daripada bahan boleh diterima dan mempunyai luas keratan rentas yang mencukupi dengan satu atau lebih plat bumi, paip atau rod hendaklah diadakan. Sistem pembumian itu hendaklah disambungkan ke bumi dan disenggarakan dengan berkesan.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati kotak pembumian (*Earthing Chamber*) tidak dipasang di tapak seperti dalam **Gambar 6**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati Syarikat No. 511654-V telah memasang kotak pembumian seperti dalam **Gambar 7**.

**GAMBAR 6**



Bilik Papan Suis Utama  
- Kotak Pembumian Tidak Dipasang  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 7**



Bilik Papan Suis Utama  
- Kotak Pembumian Telah Dipasang  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## ii. Ruang Bukaan Dinding Tidak Ditutup Dengan Perintang Api

- *The Electricity Rules, 1999 (Sarawak Electricity Ordinance)*: Peraturan 15 (6) – konduktor atau radas yang terdedah pada cuaca, air, kakisan, pemanasan yang tidak sewajarnya atau digunakan dalam persekitaran yang mudah terbakar atau dalam persekitaran yang mudah meletup hendaklah dibina atau dilindungi sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati ruang bukaan dinding tidak ditutup dengan perintang api antara Bilik Kawalan (*Control Room*) seperti dalam **Gambar 8**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati ruang bukaan dinding telah ditutup dengan perintang api antara Bilik Kawalan seperti dalam **Gambar 9**.

**GAMBAR 8**



Bilik Kawalan  
- Ruang Bukaan Dinding Tidak Ditutup Dengan Perintang Api Antara Bilik Kawalan (16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 9**




Bilik Kawalan  
- Ruang Bukaan Dinding Telah Ditutup Dengan Perintang Api Antara Bilik Kawalan (18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## iii. Gambar Rajah Litar Skematik Tidak Dilekatkan

- *The Electricity Rules, 1999 (Sarawak Electricity Ordinance)*: Peraturan 19 (1b) – Pengaliran tiap-tiap konduktor hendaklah boleh dikesan dan gambar rajah sambungan yang dilukis dengan jelas hendaklah dipamerkan berdekatan dengan papan suis.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati gambar rajah litar skematik tidak dilekatkan pada setiap Papan Kawalan (*Control Panel*) dan Kotak Agihan (*Distribution Board*) seperti dalam **Gambar 10**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati gambar rajah litar skematik telah dilekatkan pada setiap Papan Kawalan dan Kotak Agihan seperti dalam **Gambar 11**.

**GAMBAR 10**

Bilik Kawalan, Bilik Pengubah dan  
Bilik *Switchgear*  
- Gambar Rajah Litar Skematic Tidak Dilekatkan Pada  
Setiap Papan Kawalan dan Kotak Agihan  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 11**


Bilik Kawalan, Bilik Pengubah dan  
Bilik *Switchgear*  
- Gambar Rajah Litar Skematic Telah Dilekatkan pada  
Setiap Papan Kawalan dan Kotak Agihan  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

#### iv. Tiada Label pada Kotak Agihan

- *The Electricity Rules, 1999 (Sarawak Electricity Ordinance)*: Peraturan 15 (1) – radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyampaian kepada sesuatu pepasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi bagi menepati maksud yang dicadangkan dan hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggara sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati tiada label atau nama dilekatkan pada Kotak Agihan seperti dalam **Gambar 12**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati label atau nama telah dilekatkan pada Kotak Agihan seperti dalam **Gambar 13**.

**GAMBAR 12**

Bilik Kawalan, Bilik Pengubah dan Bilik *Switchgear*  
- Tiada Label/ Nama pada Kotak Agihan  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 13**

Bilik Kawalan, Bilik Pengubah dan Bilik *Switchgear*  
- Label/ Nama pada Kotak Agihan Telah Dilekatkan  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

## b. Kerja Dilaksanakan Tidak Memuaskan

### i. Alat Pembesar Suara Tidak Dilindungi Dengan Baik

- *The Electricity Rules, 1999* (Sarawak Electricity Ordinance): Peraturan 15 (1) – radas, konduktur atau aksesori bagi maksud penyampaian kepada sesuatu pemasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi bagi menepati maksud yang dicadangkan dan hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggara sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati alat pembesar suara yang dipasang tidak diletakkan perlindungan keselamatan yang mencukupi dan telah menyebabkan peralatan tersebut terdedah kepada percikan pasir dan kotoran ketika hujan seperti dalam **Gambar 14**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati alat pembesar suara telah dipasang dengan sangkar besi seperti dalam **Gambar 15**.

**GAMBAR 14**



Alat Pembesar Suara No. 3 di Tebingan Kuching  
- Alat Pembesar Suara yang Dipasang Tiada Perlindungan  
Keselamatan Mencukupi  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 15**



Alat Pembesar Suara No.3 di Tebingan Kuching  
- Alat Pembesar Suara Telah Dipasang Dengan Sangkar  
Besi  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### ii. Pemasangan Kabel Audio Alat Pembesar Suara

- *The Electricity Rules, 1999* (Sarawak Electricity Ordinance): Peraturan 15 (1) – radas, konduktor atau aksesori bagi maksud penyampaian kepada sesuatu pemasangan hendaklah dalam saiz, kuasa dan bilangan yang mencukupi bagi menepati maksud yang dicadangkan dan hendaklah dibina, dipasang, disusun, dilindungi, dikerjakan dan disenggara sedemikian rupa bagi mencegah bahaya.

- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati kabel audio alat pembesar suara tidak dipasang dengan menggunakan penutup seperti dalam **Gambar 16**. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 18 April 2019 mendapati kabel audio alat pembesar suara telah dipasang dengan menggunakan penutup seperti dalam **Gambar 17**.

**GAMBAR 16**



Bilik Kawalan Audio  
- Kabel Audio Alat Pembesar Suara Tidak Dipasang  
Menggunakan Penutup  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 17**




Bilik Kawalan Audio  
- Kabel Audio Alat Pembesar Suara Telah Dipasang  
Menggunakan Penutup  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### c. Kerja Tidak Mengikut Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawings*)

#### i. Pemasangan Litar Akhir Tidak Sama Dengan Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawings*)

- Pemasangan Litar Akhir dalam Lukisan Siap Bina (No. Lukisan: KG716/E/03 (*Single Line Diagram – Electrical Services*) mestilah sama seperti mana yang dipasang di tapak.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati pemasangan litar akhir dalam kotak agihan di Lukisan Siap Bina (*As-Built Drawings*) tidak sama seperti mana dipasang di tapak seperti dalam **Gambar 18** hingga **Gambar 21**.


**GAMBAR 18**



Bilik Papan Suis Utama, Bilik Pengubah dan Bilik *Switchgear*  
- Lukisan Siap Bina Tidak Sepertimana Pemasangan Litar Akhir Dalam Kotak Agihan di Tapak  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 19**



**GAMBAR 20****GAMBAR 21**


Bilik Papan Suis Utama, Bilik Pengubah dan Bilik *Switchgear*

- Lukisan Siap Bina Tidak Sepertimana Pemasangan Litar Akhir Dalam Kotak Agihan di Tapak  
(16.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 22 April 2019



Pihak DBKU menyatakan bahawa tindakan telah diambil seperti dalam **Gambar 22** hingga **Gambar 25**.

**GAMBAR 22****GAMBAR 23**

Bilik Papan Suis Utama, Bilik Pengubah dan Bilik *Switchgear*

- Lukisan Siap Bina Sama Sepertimana Pemasangan Litar Akhir Dalam Kotak Agihan di Tapak  
(24.04.2019)

(Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara)

**GAMBAR 24****GAMBAR 25**

Bilik Papan Suis Utama, Bilik Pengubah dan Bilik *Switchgear*


- Lukisan Siap Bina Sama Sepertimana Pemasangan Litar Akhir Dalam Kotak Agihan di Tapak  
(24.04.2019)

(Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara)

## ii. Lukisan Siap Bina Tidak Mengikut Pemasangan Peralatan di Tapak


- Pemasangan Litar Akhir dalam Lukisan Siap Bina (No. Lukisan: KG716/E/03 (*Single Line Diagram – Electrical Services*) mestilah sama seperti mana yang dipasang di tapak.
- Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati Lukisan Siap Bina tidak mengikut pemasangan peralatan Sistem Pemadam Kebakaran di tapak seperti reka bentuk kabinet dan nozel untuk tangki sistem Ejen Pencuci dan reka bentuk dan susun atur suis, *signal* dan label untuk sistem Ejen Pencuci dan CO<sub>2</sub> seperti dalam **Gambar 26** dan **Gambar 28**. Bagaimanapun, pembetulan terhadap lukisan siap bina telah dibetulkan semasa lawatan Audit pada 18 April 2019 seperti dalam **Gambar 27** dan **Gambar 29**.

**GAMBAR 26**




Bilik Kawalan dan Papan Suis Utama  
- Kepala Nozel di Atas Kabinet dan Tiada Papan Kawalan pada Kabinet  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 27**




Bilik Kawalan dan Papan Suis Utama  
- Lukisan Siap Bina Kepala Nozel di Atas Kabinet dan Papan Kawalan pada Kabinet Telah Dibetulkan  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 28**



Bilik Pengubah dan  
Bilik Switchgear  
- Lukisan Siap Bina Tidak Sepertimana Pemasangan Peralatan Sistem Pemadam Kebakaran  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 29**



Bilik Pengubah dan  
Bilik Switchgear  
- Lukisan Siap Bina Telah Diubah Sama seperti Pemasangan Peralatan Sistem Pemadam Kebakaran  
(18.04.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**d. Kerja Dilaksanakan Tidak Mempunyai Spesifikasi Terperinci**

- i. Berdasarkan Klausula 15.2(a) *Standard Form of Design and Build Contract PWD FORM DB* (Rev.1/2010) – Kontraktor hendaklah mengemukakan cadangan kelulusan kepada Pengarah Projek terhadap reka bentuk, kerja yang akan dilaksanakan dan ujian terhadap bahan.
- ii. Semakan Audit terhadap katalog material projek mendapati peralatan untuk Projek DHMF ini merangkumi 352 nozel air pancut dan 802 Lampu Bawah Tanah Terkawal DMX512. Peralatan ini dibuat daripada bahan tahan karat (*stainless steel*) manakala 81 pam tenggelam (*submersible pump*) dan enam (6) pam motor dibuat daripada bahan tahan karat atau acuan besi (*cast-iron*). Peralatan *musical fountain* multimedia dipasang dalam sungai. Semakan Audit selanjutnya mendapati produk seperti paip tahan karat, nozel pancutan, pam tenggelam, pam motor, Lampu Bawah Tanah Terkawal DMX512, penjana skrin air (*water screen generator*), injap bola dan bebibir (*flange*) tiada jaminan menyatakan kualiti peralatan dan keluli adalah jenis tahan karat daripada pengilang peralatan utama. Senarai peralatan untuk *musical fountain* multimedia adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**SENARAI PERALATAN UNTUK *MUSICAL FOUNTAIN* PROJEK DHMF**

BIL.	BENTUK NOZEL AIR	KUANTITI	MODEL NOZEL	LAMPU BAWAH TANAH TERKAWAL DMX512		KUANTITI	KETINGGIAN PANCUTAN (Meter)
				MODEL	KUASA		
1.	<i>Straight Spray</i>	2	DN80	GO-DMXO36	LED220V/36W	12	30
2.	<i>Straight Spray</i>	2	DN80	GO-DMXO36	LED220V/36W	8	18
3.	<i>3D Digital Swing Spray</i>	16	DN50	GO-DMXO36	LED220V/36W	64	15
4.	<i>Air Shooting</i>	102	DN40	GO-DMXO36	LED220V/36W	408	20
5.	<i>Outward Straight Spray</i>	80	DN40	GO-DMXO12	LED220V/12W	80	8-9
6.	<i>Seagull Swing Spray</i>	72	DN25	GO-DMXO12	LED220V/12W	72	6-8
7.	<i>Butterfly Swing Spray</i>	36	DN25	GO-DMXO12	LED220V/12W	36	4-5
8.	<i>2D Digital Swing Spray</i>	24	DN50	GO-DMXO36	LED220V/36W	48	15
9.	<i>Water Screen</i>	1	DN150	Tiada	Tiada	Tiada	16mx48m (Tinggi x Lebar)
10.	<i>Central Straight Spray</i>	1	DN125	GO-DMXO72	LED220V/72W	10	80
11.	<i>3D Digital Swing Spray</i>	16	DN50	GO-DMXO36	LED220V/36W	64	15
<b>JUMLAH</b>		<b>352</b>				<b>802</b>	

Sumber: Dewan Bandaraya Kuching Utara

- iii. Semakan Audit terhadap Laporan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak mendapati air Sungai Sarawak adalah masin terutama pada musim kemarau disebabkan penerobosan air masin akibat operasi *flooding in* di baraj. Semakan Audit selanjutnya mendapati bacaan kemasinan (*salinity*) di

Sungai Sarawak bagi sampel air yang diambil berdekatan dengan Hotel Grand Margherita (jarak lebih kurang 1 km dari Projek DHMF) pada tahun 2018 adalah 1.4 *parts per thousand* (ppt). Bacaan kemasinan tersebut adalah melebihi parameter 1.0 ppt mengikut *National Water Quality Standards For Malaysia* (NWQSM) dan ini menyebabkan komponen projek cepat berkarat.

- iv. Lawatan Audit ke tapak projek pada 15 Januari 2019 mendapati sebahagian daripada peralatan telah berkarat seperti dalam **Gambar 30** hingga **Gambar 33**.

**GAMBAR 30**



**GAMBAR 31**



Darul Hana *Musical Fountain*


- Peralatan Berkarat  
(15.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 32**



**GAMBAR 33**



Darul Hana *Musical Fountain*

- Peralatan Berkarat  
(15.01.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- v. Pihak Audit mendapati perkara ini boleh menyebabkan peralatan yang digunakan tidak tahan lama.

### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019**

DBKU menyatakan bahawa keseluruhan sistem adalah dalam tempoh DLP, iaitu selama 24 bulan di mana kontraktor bertanggungjawab memastikan peralatan dicuci, diservis dan berfungsi dengan baik. Selain itu, DBKU menyatakan bahawa

semua peralatan bagi DHMF menggunakan jenis tahan karat 304. Pihak DBKU juga memaklumkan bahawa jangka hayat peralatan DHMF adalah dalam lingkungan 10 hingga 15 tahun.

### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 22 April 2019**

Pihak DBKU menyatakan bahawa item di dalam spesifikasi seperti di **Jadual 4** adalah sama seperti di tapak dan masih dalam tempoh tanggungan pihak kontraktor selama dua (2) tahun (DLP). Selepas tamat DLP, DBKU akan menyediakan kos penyenggaraan. Bagi peralatan berkarat, Syarikat No. 511654-V telah mengecat sebanyak dua (2) lapis dengan cat jenama Chugoku Marine.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya pengurusan pembinaan projek adalah memuaskan kerana semua teguran Audit telah diambil tindakan.**

#### **6.2.5. Penyenggaraan Projek**

- a. Berdasarkan Klausula 52 *Standard Form of Design and Build Contract PWD FORM DB (Rev. 1/2010)* – Kontraktor bertanggungjawab melaksanakan semua kerja penyenggaraan yang termaktub dalam kontrak dalam tempoh 24 bulan bermula dari tarikh CPC. Mengikut *Contract Sum Analysis* Item N – Penyenggaraan Rutin dan Pembersihan Komponen Khas Bagi Sistem *Musical Fountain* (2 tahun) (tidak termasuk kos operasi dan bil utiliti), jumlah penyenggaraan adalah RM650,000 untuk dua (2) tahun.
- b. Semakan Audit mendapati bahawa rekod penyenggaraan harian ada disediakan, iaitu pembersihan dan penyenggaraan terhadap pontun, bahagian bawah kolam, taman, bilik kawalan, penutup kubah, projektor dan unit laser, pemampat udara, pam diesel kawalan serangga. Penyenggaraan pencegahan juga telah sediakan, iaitu pemeriksaan dan pembersihan terhadap bilik kawalan, kawasan umum dan pancutan air.
- c. Lawatan Audit pada 16 Januari 2019 mendapati perkara berikut:
  - i. Peralatan *musical fountain* telah berlumut seperti dalam **Gambar 34** dan **Gambar 35**.

**GAMBAR 34**




**GAMBAR 35**




Darul Hana *Musical Fountain*  
- Peralatan Berlumut dan Berlumpur  
(15.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. Pancutan air untuk beberapa unit nozel terlalu rendah dan tidak seragam berbanding unit nozel yang lain seperti dalam **Gambar 36** dan **Gambar 37**.

**GAMBAR 36**



**GAMBAR 37**



Darul Hana *Musical Fountain*  
- Pancutan Air Untuk Beberapa Unit Nozel Terlalu Rendah dan Tidak Seragam Berbanding Unit  
Nozel yang Lain  
(16.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 26 Februari 2019**

DBKU menyatakan bahawa kerja penyenggaraan bagi pancutan air untuk nozel telah disenggara seperti dalam **Gambar 38**. Selain itu, skop kerja penyenggaraan adalah seperti berikut:

- Membersihkan pontun dan sekitarnya
- Membersihkan sampah dari pontun
- Membersihkan lampu, pam dan nozel pada pontun serta di bawah kolam



**GAMBAR 38**

Darul Hana *Musical Fountain*  
- Pancutan Air Untuk Unit Nozel Telah  
Diseragamkan  
(17.04.2019)

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan projek adalah memuaskan kerana rekod penyenggaraan harian dan pencegahan ada disediakan serta tindakan bagi memastikan semua peralatan dalam keadaan baik ada dilaksanakan.**

#### **6.2.6. Pemantauan Projek**

##### **a. Laporan Penyeliaan Tiada Pengesahan Perunding**

- i. Berdasarkan Klausula 13.1 *Standard Form of Design and Build Contract PWD FORM DB (Rev. 1/2010)* – Kontraktor hendaklah mengemukakan Laporan Penyeliaan sebagaimana yang dikehendaki oleh Pengarah Projek setiap bulan atau pada bila-bila masa yang diperlukan. Laporan tersebut mesti disemak dan disahkan oleh perunding dilantik oleh kontraktor.
- ii. Semakan Audit mendapati kontraktor telah mengemukakan lima (5) Laporan Kemajuan kepada DBKU. Pihak DBKU memaklumkan bahawa Laporan Kemajuan tersebut adalah Laporan Penyeliaan. Bagaimanapun, Laporan Kemajuan yang dikemukakan tidak mempunyai bukti semakan dan pengesahan daripada perunding yang bertanggungjawab terhadap perkara ini.

#### **Maklum Balas DBKU yang Diterima pada 25 Mac 2019**

Pihak DBKU menyatakan bahawa Syarikat No. 511654-V telah mengemukakan Laporan Kemajuan sebagai Laporan Penyeliaan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan projek kurang memuaskan kerana perunding sepatutnya menyemak dan mengesahkan setiap Laporan Penyeliaan yang dikemukakan kepada DBKU.**

### **7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan bahawa Projek DHMF telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif pembinaannya, iaitu dapat disiapkan mengikut tempoh yang dibenarkan. Bagaimanapun, pengurusan

kewangan projek dan pentadbiran kontrak adalah tidak memuaskan dan perlu ditambah baik. Prestasi *Outcome* adalah memuaskan kerana kehadiran pengunjung menyaksikan persembahan *musical fountain* di Tebingan Kuching meningkat.

## **8. SYOR AUDIT**

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perkara yang sama tidak berulang, pihak Audit mengesyorkan DBKU mengambil tindakan seperti berikut:

- 8.1. DBKU hendaklah melaksanakan dengan teliti setiap projek pembangunan dan mengambil kira peruntukan dan risiko tempoh pelaksanaan serta mewujudkan mekanisme yang efektif. Perkara ini dapat memastikan projek dilaksanakan seperti yang ditetapkan dalam kontrak untuk mewujudkan akauntabiliti, ketelusan dan tadbir urus yang cekap;
- 8.2. DBKU hendaklah mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Teknikal seperti JKR Sarawak yang mempunyai pengalaman dalam pelaksanaan projek secara rundingan terus; dan
- 8.3. DBKU hendaklah bekerjasama dengan agensi lain untuk menilai *outcome* kedatangan pelancong dari luar Kuching dan merancakkan ekonomi dalam bidang pelancongan di kawasan Tebingan Kuching.

**3**

## **LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH**

- Magna Focus Sdn. Bhd.



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

**LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH  
MAGNA FOCUS SDN. BHD.**

---

### **Perkara Utama**

#### **Apa yang diaudit?**

- Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 hingga 2018.
- Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap operasi pengambilan pasir, kutipan hasil dan pembayaran royalti yang dilaksanakan pada tahun 2016 hingga 2018.
- Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018.

#### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Syarikat ini penting untuk diaudit kerana aktiviti yang dilaksanakan memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat dan kutipan hasil royalti Kerajaan Negeri Sarawak.

#### **Apa yang ditemui Audit?**

##### a. Tadbir Urus Korporat

- Tadbir urus korporat Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB) adalah memuaskan kerana mengamalkan sepenuhnya lima (5) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus korporat.
- Wujud keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek Lembaga Pengarah, *Standard Operating Procedures* (SOP) dan Pelan Strategik.

##### b. Pengurusan Aktiviti

###### • Prestasi Aktiviti

Bagi tahun 2016 hingga 2018, pencapaian sebenar kuantiti pengambilan pasir dan hasil yang dikutip adalah kurang cekap:

- pencapaian sebenar pengambilan pasir MFSB adalah antara 65.9% dan 70.6%.
- pencapaian kutipan hasil adalah pada kadar antara 64.4% dan 83.9%.

###### • Pelaksanaan Aktiviti

- bilangan kontraktor yang dilantik untuk operasi

pengambilan pasir menurun bagi tempoh yang sama.

- wujud keperluan untuk menambah baik pemantauan terhadap prestasi kontraktor dalam memenuhi sasaran pengambilan pasir yang ditetapkan.

c. Kedudukan Kewangan

- Kedudukan kewangan MFSB adalah pada tahap kukuh kerana mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sejumlah RM4.62 juta pada tahun 2018. MFSB mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM15.15 juta serta tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM18.04 juta pada tahun yang sama.

## LEMBAGA PEMBANGUNAN DAN LINDUNGAN TANAH

### 3. MAGNA FOCUS SDN. BHD.

#### FAKTA UTAMA


ORDINAN SARAWAK	AKTA 777	
Ordinan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah, 1981	Akta Syarikat 2016	<b>RM46.15 juta</b> Pendapatan MFSB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018
Penubuhan Lembaga Pembangunan Dan Lindungan Tanah pada 30 Jun 1981		<b>RM33.07 juta</b> Perbelanjaan MFSB bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018
<b>Pelita Holdings Sdn. Bhd. (PHSB)</b>		<b>RM100,000</b> Modal Berbayar MFSB
<b>Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Ditubuhkan menurut Akta 777 pada 17 Mei 1989</li><li>• Anak syarikat milikan penuh LCDA</li><li>• Ditubuhkan menurut Akta 777 pada 13 Mei 1996</li><li>• Anak syarikat milikan penuh PHSB</li></ul>	

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Magna Focus Sdn. Bhd. (MFSB) diperbadankan pada 13 Mei 1996 di bawah Akta Syarikat 1965. MFSB merupakan syarikat berhad menurut syer milikan penuh Pelita Holdings Sdn. Bhd. (PHSB) dengan modal berbayar berjumlah RM100,000. PHSB yang ditubuhkan pada 17 Mei 1989 adalah anak syarikat milikan penuh Lembaga Pembangunan dan Lindungan Tanah, sebuah badan berkanun negeri.

1.2. Objektif penubuhan MFSB adalah sebagai pentadbir operasi pengambilan pasir dan aktiviti lain yang berkaitan. Aktiviti utama MFSB adalah mentadbir operasi pengambilan pasir di kawasan yang dilesenkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak kepada MFSB. Operasi pengambilan pasir dijalankan oleh kontraktor yang dilantik MFSB di mana bayaran royalti daripada kontraktor berkenaan disalurkan kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Pada tahun 2018, MFSB telah diluluskan sebanyak 16 lesen oleh Jabatan Tanah dan Survei (JTS) dan melantik 48 kontraktor untuk menjalankan operasi pengambilan pasir. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Peta 1**.

**PETA 1**  
**LOKASI, BILANGAN LESEN DAN**  
**KONTRAKTOR PENGAMBILAN PASIR PADA TAHUN 2018**




Sumber: Dokumen Maklumat Lesen dan Kontraktor Magna Focus Sdn. Bhd.

Nota: L - Bilangan Lesen, K - Bilangan Kontraktor

1.3. Model perniagaan MFSB merangkumi PHSB sebagai pemegang saham, Kerajaan Negeri Sarawak sebagai pelulus lesen pengambilan pasir serta penerima kutipan hasil royalti. MFSB melantik kontraktor untuk operasi pengambilan pasir dan menggunakan perkhidmatan bank atau institusi kewangan untuk perkhidmatan kewangan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Carta 1**.

**CARTA 1**  
**MODEL PERNIAGAAN MFSB**



Sumber: Model Perniagaan Magna Focus Sdn. Bhd.

## **2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan MFSB dari aspek tadbir urus korporat syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan serta kedudukan kewangan syarikat adalah kukuh.

## **3. SKOP PENGAUDITAN**

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat bagi tahun 2016 hingga 2018. Aspek kedudukan kewangan pula meliputi analisis penyata kewangan beraudit tahun 2016, 2017 dan 2018. Bagi pengurusan aktiviti, pengauditan dijalankan terhadap operasi pengambilan pasir, kutipan hasil dan pembayaran royalti yang dilaksanakan pada tahun 2016 hingga 2018. Berdasarkan penilaian risiko, aktiviti ini telah dipilih kerana ianya memberi impak kepada kedudukan kewangan syarikat dan kutipan hasil royalti Kerajaan Negeri Sarawak.

3.2. Dua (2) bidang utama Audit yang dinilai bagi pengauditan pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian output pengambilan pasir dan pencapaian *outcome* hasil kutipan yuran serta pembayaran royalti pasir kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Sebanyak 17 kontrak bernilai RM2.92 juta daripada 48 kontrak pengambilan pasir yang sedang berkuat kuasa pada tahun 2018 dan 80 baucar bayaran royalti pasir bernilai RM3.39 juta telah dipilih sebagai sampel pengauditan.

### **KONTRAK**

17 kontrak bernilai RM2.92 juta daripada keseluruhan 48 kontrak pengambilan pasir yang sedang berkuatkuasa pada 2018

**17      35.4%**

### **BAUCAR BAYARAN**

80 baucar bayaran royalti pasir daripada RM12.33 juta pembayaran keseluruhan royalti 2016 – 2018

**RM3.39 juta      27.5%**

3.3. Pengauditan telah dijalankan di pejabat MFSB yang terletak di Lot 4.08A, 4.08B, 4.09 & 4.10, Tingkat 4, Wisma Satok, Jalan Satok, Kuching, Sarawak. Pemeriksaan fizikal telah dibuat di lima (5) lokasi operasi pengambilan pasir yang dilesenkan kepada MFSB dan *stockpile* di kawasan Serian, Bau, Lundu dan Sematan.

## **4. METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen yang dikemukakan oleh pengurusan MFSB serta menganalisis data berkaitan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan MFSB yang telah diaudit oleh Tetuan Idris Ibrahim & Co. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi; analisis trend aset dan liabiliti; analisis nisbah kewangan

serta analisis aliran tunai. Pemeriksaan fizikal Audit pada bulan Januari 2019 ke lima (5) lokasi pengambilan pasir di kawasan Serian, Bau, Lundu dan Sematan turut dilaksanakan bagi menentukan syarat lesen dan terma kontrak telah dipatuhi oleh kontraktor berkenaan. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

## **5. RUMUSAN AUDIT**

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2018 hingga Januari 2019 terhadap MFSB merumuskan perkara berikut:

### **5.1.1. Tadbir Urus Korporat**

Secara keseluruhannya, tadbir urus korporat MFSB adalah memuaskan kerana mengamalkan sepenuhnya lima (5) daripada lapan (8) amalan terbaik tadbir urus korporat. Namun, masih terdapat keperluan untuk penambahbaikan dalam aspek Lembaga Pengarah, *Standard Operating Procedures* (SOP) dan Pelan Strategik agar selaras dengan amalan tadbir urus korporat yang disarankan.

### **5.1.2. Pengurusan Aktiviti**

#### **a. Prestasi Aktiviti**

Pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pengambilan pasir MFSB dari aspek pencapaian sebenar kuantiti dan hasil adalah kurang cekap. Bagi tahun 2016 hingga 2018, pencapaian sebenar pengambilan pasir MFSB adalah antara 65.9% dan 70.6% serta pencapaian kutipan hasil antara 64.4% dan 83.9% berbanding sasaran. Bagaimanapun, MFSB didapati cekap dalam perolehan lesen pengambilan pasir dan pengurusan bayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Selain itu, MFSB telah mengadakan aktiviti *Corporate Social Responsibility* (CSR) di kawasan yang ada operasi pengambilan pasir bagi membantu penduduk di kawasan tersebut.

#### **b. Pelaksanaan Aktiviti**

Pelaksanaan aktiviti MFSB dari aspek pelantikan kontraktor pengambilan pasir dan prestasi pencapaian kontraktor adalah kurang cekap. Bagaimanapun, pengurusan kontrak dan pemantauan terhadap operasi pengambilan pasir adalah cekap.

### **5.1.3. Kedudukan Kewangan**

Kedudukan kewangan MFSB adalah di tahap kukuh kerana mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sejumlah RM4.62 juta pada tahun 2018. MFSB mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM15.15 juta. MFSB juga cekap dalam pengurusan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan sejumlah RM13.80 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset. Selain itu, MFSB mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai positif iaitu berjumlah RM18.04 juta pada tahun 2018.

5.1.4. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh MFSB adalah seperti berikut:

- a. SOP dan Pelan Strategik yang lengkap tidak disediakan bagi menentukan hala tuju perniagaan syarikat untuk jangka panjang;
- b. sasaran output dan *outcome* operasi pengambilan pasir tidak dapat dicapai dari aspek kuantiti dan kutipan hasil; dan
- c. tujuh (7) kontraktor tidak mencapai kuantiti pasir yang ditetapkan dalam kontrak. Keadaan ini boleh menjelaskan kutipan hasil syarikat dan royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

## **6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT**

Perkara yang ditemui dan maklum balas MFSB telah dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 22 April 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:


### **6.1. Tadbir Urus Korporat**

6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat subsidiari milikan penuh Badan Berkanun Negeri, pengurusan MFSB perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Kanun Tanah Negeri Sarawak (Bab 81) 1958 (Kanun Tanah), Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar, 1993 (Bab 84), Memorandum dan Artikel Penubuhan (M&A), SOP syarikat serta peraturan lain yang ditetapkan oleh kerajaan dari semasa ke

semasa. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book – Enhancing Board Effectiveness* April 2006 (*The Green Book*) dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [Handbook MKD].

6.1.2. Pengurusan MFSB diketuai oleh Pengarah Urusan dan sehingga 31 Disember 2018, 33 perjawatan telah diisi sepenuhnya. MFSB mempunyai tiga (3) unit dengan satu (1) unit diketuai oleh seorang Pengurus dan dua (2) unit diketuai oleh Pegawai Eksekutif. Selain itu, syarikat mempunyai satu (1) syarikat subsidiari yang berstatus aktif iaitu Mahogany Enterprise Sdn. Bhd. Struktur organisasi MFSB pada 31 Disember 2018 adalah seperti dalam **Carta 2** manakala peranan setiap unit adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**CARTA 2**  
**STRUKTUR ORGANISASI MFSB PADA 31 DISEMBER 2018**



Sumber: Dokumen dan Carta Organisasi Magna Focus Sdn. Bhd.

**JADUAL 1**  
**PERANAN SETIAP UNIT MFSB**

UNIT	PERANAN
Pentadbiran dan Kewangan	Menguruskan operasi harian dan kewangan syarikat
Pelesenan dan Kontrak	Menguruskan pentadbiran lesen pengambilan pasir daripada Jabatan Tanah dan Survei serta penyediaan kontrak pengambilan pasir
Pemantauan	Memantau kontraktor yang dilantik untuk melaksanakan operasi pengambilan pasir

Sumber: Dokumen dan Carta Organisasi Magna Focus Sdn. Bhd.

6.1.3. Komposisi Lembaga Pengarah MFSB terdiri daripada tujuh (7) ahli Lembaga Pengarah iaitu seorang Pengerusi bebas, lima (5) ahli Lembaga Pengarah

bebas serta seorang ahli Lembaga Pengarah bukan bebas. Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili Kerajaan Negeri Sarawak dan wakil PHSB sebagai pemegang saham MFSB. MFSB telah melantik seorang akauntan yang berkelayakan daripada PHSB sebagai Setiausaha Syarikat pada 1 Mac 2012 bagi melaksanakan perkhidmatan seperti mengurus mesyuarat Lembaga Pengarah, penyediaan dokumen serahan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan memberi khidmat nasihat.

6.1.4. Semakan Audit mendapati MFSB telah mengamalkan lima (5) daripada lapan (8) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat. Aspek yang diamalkan adalah pelantikan Pengerusi, Pengarah Urusan, Setiausaha Syarikat, Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman. Bagaimanapun, tiga (3) amalan terbaik tadbir urus yang lain tidak diamalkan sepenuhnya iaitu Lembaga Pengarah, SOP serta Pelan Strategik syarikat. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh MFSB adalah seperti penemuan Audit berikut:

**a. Lembaga Pengarah**

*The Green Book* Perenggan 2.1 menyarankan Lembaga Pengarah mengadakan mesyuarat dengan kerap dan *Handbook* MKD Perenggan 2.5 (d) menyarankan semua keputusan mesyuarat yang signifikan dibuat melalui mesyuarat Lembaga Pengarah dan bukan melalui Resolusi Lembaga Pengarah (DCR). Semakan Audit mendapati MFSB hanya mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah sekali sahaja dalam tahun 2015, 2017 serta 2018 dan tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2016. Berdasarkan minit mesyuarat Lembaga Pengarah MFSB, DCR yang dikeluarkan oleh MFSB dalam tahun semasa akan dibentang dan disahkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada tahun berikutnya. Semakan lanjut mendapati sebanyak sembilan (9) DCR tahun 2015 dan empat (4) DCR tahun 2016 telah disahkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah yang diadakan pada 25 Januari 2017. Ini disebabkan tiada mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan pada tahun 2016. Keadaan ini turut menyumbang kepada kelemahan dalam pemantauan terhadap aktiviti utama syarikat dari aspek pencapaian sasaran tahunan pengambilan pasir dan kutipan hasil syarikat.

**Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 23 April 2019**

MFSB telah menetapkan mesyuarat Lembaga Pengarah diadakan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun dan jadual mesyuarat bagi tahun 2019 telah disediakan dengan sewajarnya.

**Pada pendapat Audit, MFSB telah mengambil tindakan bagi meningkatkan pengurusan tadbir urus syarikat dari aspek mesyuarat Lembaga Pengarah dengan merancang dan menyediakan jadual mesyuarat Lembaga Pengarah dengan sewajarnya.**

**b. *Standard Operating Procedures***

- i. Seksyen 246, Akta Syarikat 2016 menetapkan sistem kawalan dalaman terhadap aset syarikat hendaklah disediakan bagi menjamin aset syarikat dilindungi terhadap kerugian akibat penggunaan atau pelupusan yang tidak dibenarkan dan memberikan keterangan tentang aset yang sepatutnya. *Handbook MKD*, Perenggan 1.9 (c), 2.2 (f) dan 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai *Standard Operating Procedures* (SOP) yang lengkap dan menyeluruh merangkumi proses, prosedur dan polisi berkenaan urusan kewangan dan aktiviti dalam mengurus syarikat bagi mencapai objektifnya. Semakan semula terhadap SOP perlu dibuat sekiranya ada keperluan dan perubahan dalam operasi syarikat. SOP yang diterima pakai dan sebarang perubahannya perlu mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah.
- ii. Semakan Audit mendapati MFSB telah menyediakan SOP bagi aktiviti utama, pengurusan kewangan dan pentadbiran syarikat. Bagaimanapun, MFSB tidak mempunyai SOP pengurusan aset yang diterima pakai sebagai dokumen rasmi tetapi daftar aset yang mengandungi butiran, nombor, nilai, tarikh pembelian dan susut nilai aset ada disediakan. Daftar ini disedia dan diselenggarakan oleh MFSB dengan menggunakan sistem Biztrak MS Financial. Ketidaaan SOP pengurusan aset menyebabkan pihak Audit tidak dapat mengesahkan tahap pengurusan aset dari aspek keselamatan fizikal, kehilangan, pelupusan dan hapus kira aset.
- iii. Pihak Audit telah membuat pemeriksaan terhadap 15 aset milik MFSB bernilai RM42,630 pada 11 Disember 2018 dan mendapati aset telah direkod dalam daftar aset serta dilabel dengan nombor pendaftaran aset. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati satu (1) *drone* bernilai RM2,799 dan dua (2) pembersih hampagas bernilai RM1,170 yang telah rosak belum diambil tindakan pelupusan. Semakan lanjut mendapati MFSB tidak menjalankan pelupusan aset sejak tahun 2015.

### **Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 5 November 2019**

Syarikat telah menyediakan SOP Pengurusan Aset yang telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 25 April 2019. *Board of Survey* telah ditubuhkan dan kelulusan telah diperoleh bagi pelupusan tiga (3) aset tersebut. Tindakan pelupusan telah diambil pada 17 April 2019 dan rekod aset telah dikemas kini dengan sewajarnya.

**Pada pendapat Audit, SOP pengurusan aset yang tidak disedia dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah boleh mempengaruhi keberkesanan operasi syarikat.**

#### **c. Pelan Strategik**

Seksyen 211, Akta Syarikat 2016 menyatakan ahli Lembaga Pengarah mempunyai kuasa penuh bagi mengurus syarikat dan memberikan arahan serta mengawasi pengurusan perniagaan dan hal ehwal syarikat, tertakluk kepada apa-apa ubah suaihan, kecualian atau batasan dalam Akta Syarikat 2016 atau perlembagaan syarikat. MCCG 2017 *Practice* 1.1, *Guidance* 1.1 menyarankan Lembaga Pengarah menetapkan sasaran strategik syarikat dan memastikan sumber sedia ada yang diperlukan untuk syarikat mencapai objektifnya. Lembaga Pengarah juga perlu memastikan pelan strategik syarikat menyokong pembentukan nilai jangka panjang yang menyokong kemapanan syarikat. Semakan Audit mendapati MFSB telah menyediakan sasaran pengambilan pasir dan kutipan hasil tahunan yang telah dibentang serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah syarikat. Bagaimanapun, MFSB masih belum menyediakan Pelan Strategik bagi menentukan hala tuju syarikat untuk jangka masa panjang.

### **Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019**

Syarikat telah mengadakan bengkel Pelan Strategik pada bulan Februari 2018 yang bertujuan untuk membincangkan hala tuju jangka masa pendek dan panjang syarikat. Selain itu, Pelan Pemantapan Perniagaan MFSB telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2018 dan dalam proses penyediaan pelan perniagaan yang lebih komprehensif.

**Pada pendapat Audit, pelan strategik yang masih belum dimuktamadkan akan menjelaskan hala tuju perniagaan syarikat dalam tempoh jangka panjang.**

## **6.2. Pengurusan Aktiviti**

Selaras dengan objektif penubuhan MFSB sebagai pentadbir operasi pengambilan pasir, syarikat bertanggungjawab untuk mengutip hasil dan royalti daripada kontraktor pengambilan pasir yang dilantik. Royalti tersebut seterusnya akan dibayar kepada JTS sebagai hasil Kerajaan Negeri Sarawak. Hasil semakan Audit terhadap aktiviti yang dijalankan oleh MFSB adalah seperti berikut:

### **6.2.1. Prestasi Aktiviti**

#### **a. Pencapaian Output Pengambilan Pasir - Bilangan Lesen Dipegang MFSB**

- i. Selaras dengan peruntukan Seksyen 32A(1), Kanun Tanah, Kerajaan Negeri melalui JTS akan mengeluarkan dan meluluskan lesen pengambilan pasir kepada pelesen yang berkelayakan di Negeri Sarawak. Surat tawaran lesen pengambilan pasir yang dikeluarkan oleh JTS menetapkan lokasi, tempoh, terma dan syarat, jumlah bayaran pendahuluan royalti yang perlu dibayar oleh MFSB dan syarat tambahan lain sebelum lesen dikeluarkan.
- ii. Bagi tahun 2016 dan 2017, JTS telah meluluskan masing-masing sebanyak 25 dan 24 lesen pengambilan pasir kepada pelesen yang berkelayakan. Pada tahun 2018, JTS telah meluluskan sebanyak 19 lesen di 11 Bahagian di Sarawak kepada empat (4) pelesen yang berkelayakan. MFSB merupakan salah satu pelesen yang telah diluluskan sebanyak 16 atau 84.2% daripada bilangan keseluruhan lesen tersebut. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**BILANGAN LESEN PENGAMBILAN PASIR DILULUSKAN**  
**OLEH KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

TAHUN	BILANGAN LESEN DIKELUARKAN JTS			LESEN DIPEGANG OLEH MFSB (%)
	PELESEN LAIN	MFSB	JUMLAH	
2016	4	21	25	84.0
2017	6	18	24	75.0
2018	3	16	19	84.2

Sumber: Laporan Pelesen Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak

iii. Pada akhir tahun 2018, MFSB mempunyai 16 lesen yang telah diluluskan oleh JTS di 10 Bahagian di Sarawak. Bagi urusan pentadbiran, MFSB telah membahagikan kawasan yang dilesenkan kepada tiga (3) kawasan iaitu Kawasan Selatan yang merangkumi Kuching, Sri Aman, Samarahan, Serian, Betong, Kawasan Tengah yang merangkumi Sibu, Sarikei, Kapit, Mukah serta Kawasan Utara yang terdiri daripada Miri, Limbang dan Bintulu. Bilangan lesen pengambilan pasir yang diluluskan oleh JTS kepada MFSB di Kawasan Selatan adalah sebanyak enam (6) dan masing-masing lima (5) lesen bagi Kawasan Tengah dan Utara. Tempoh lesen pengambilan pasir yang diluluskan JTS adalah antara satu (1) hingga tiga (3) tahun. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**BILANGAN LESEN MFSB MENGIKUT**  
**KAWASAN BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

BIL.	KAWASAN	2016	2017	2018
<b>SELATAN</b>				
1.	Kuching	5	4	4
2.	Sri Aman	0	0	0
3.	Samarahan	1	0	0
4.	Serian	1	1	1
5.	Betong	1	1	1
<b>TENGAH</b>				
6.	Sibu	2	2	2
7.	Sarikei	1	1	1
8.	Kapit	1	1	1
9.	Mukah	3	2	1
<b>UTARA</b>				
10.	Miri	2	2	2
11.	Limbang	2	2	2
12.	Bintulu	2	2	1
<b>JUMLAH</b>		<b>21</b>	<b>18</b>	<b>16</b>

Sumber: Dokumen Maklumat Lesen Magna Focus Sdn. Bhd.

iv. Analisis Audit juga mendapati bagi tahun 2016 hingga 2018, bilangan lesen yang diluluskan kepada MFSB menunjukkan trend penurunan iaitu daripada 21 lesen yang diluluskan pada tahun 2016 kepada 16 lesen pada tahun 2018. Ini disebabkan syarat baharu yang ditetapkan oleh JTS iaitu keperluan membayar pendahuluan royalti sejumlah RM120,000 untuk setiap tahun lesen diluluskan. Bagi memastikan kos operasi tidak meningkat, MFSB tidak membuat permohonan lesen di kawasan yang tidak ada kontraktor. Pada akhir tahun 2018, tiada kontraktor yang berminat untuk menjalankan operasi pengambilan pasir di Bahagian Samarahan. Kontraktor yang dilantik bagi

Bahagian Betong telah ditamatkan kontrak pada bulan Jun 2018. Penamatan adalah disebabkan bantahan penduduk setempat berkaitan isu hakisan tanah di kawasan perkuburan Islam, Kampung Seruai Spaoh.

**Pada pendapat Audit, perolehan lesen daripada Kerajaan Negeri Sarawak adalah cekap kerana MFSB telah berjaya mendapatkan sebanyak 16 (84.2%) daripada 19 lesen yang diluluskan untuk seluruh Sarawak pada tahun 2018.**

**b. Pencapaian Output Pengambilan Pasir - Prestasi Pencapaian Pengambilan Pasir**

- i. JTS menetapkan had minimum pengambilan pasir oleh kontraktor adalah sebanyak 60,000 MT setahun bagi setiap kawasan yang telah dilesenkan. Kawasan lesen pengambilan pasir MFSB yang aktif adalah kawasan yang ada operasi pengambilan pasir dan menyumbang kutipan hasil royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak serta hasil yuran pengurusan kepada syarikat. Kawasan lesen yang tidak aktif adalah kawasan yang tidak ada aktiviti pengambilan pasir dan tidak menyumbang hasil royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak serta yuran pengurusan MFSB. Sehingga tahun 2018, MFSB mempunyai 13 kawasan lesen yang aktif dan tiga (3) kawasan lesen yang tidak aktif. Dua (2) kawasan yang tidak aktif berada di Kuching dan satu (1) di Betong.
- ii. Analisis Audit mendapati sasaran pengambilan pasir tidak dicapai di semua kawasan bagi tahun 2016 hingga 2018. Kuantiti pengambilan pasir dan kadar pencapaian masing-masing adalah sebanyak 1.13 juta MT atau 65.9% bagi Kawasan Selatan, 5.29 juta MT atau 70.6% bagi Kawasan Tengah dan 1.82 juta MT atau 69% bagi Kawasan Utara. Kuantiti sasaran yang tidak dicapai bagi tempoh yang sama adalah antara 62,438 MT dan 929,251 MT. Kadar sasaran tidak dicapai agak tinggi disebabkan kawasan yang tidak aktif atau telah diarahkan oleh JTS untuk menghentikan kerja kerana kontraktor tidak mematuhi syarat yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4.**

**JADUAL 4**  
**PRESTASI PENCAPAIAN PENGAMBILAN PASIR**  
**DAN KAWASAN AKTIF/TIDAK AKTIF BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

BIL.	KAWASAN	TAHUN	SASARAN (MT)	SEBENAR (MT)	PENCAPAIAN		BIL. KAWASAN SEHINGGA TAHUN 2018	
					LEBIH/ (KURANG) (MT)	(%)	AKTIF	TIDAK AKTIF
1.	Selatan	2016	515,800	453,362	(62,438)	87.9	3	3
		2017	567,380	332,360	(235,020)	58.6		
		2018	624,118	339,878	(284,240)	54.5		
<b>JUMLAH</b>			<b>1,707,298</b>	<b>1,125,600</b>	<b>(581,698)</b>	<b>65.9</b>		
2.	Tengah	2016	2,418,690	2,051,448	(367,242)	84.8	5	-
		2017	2,466,160	1,536,909	(929,251)	62.3		
		2018	2,602,775	1,698,907	(903,868)	65.3		
<b>JUMLAH</b>			<b>7,487,625</b>	<b>5,287,264</b>	<b>(2,200,361)</b>	<b>70.6</b>		
3.	Utara	2016	798,800	649,930	(148,870)	81.4	5	-
		2017	878,680	508,010	(370,670)	57.8		
		2018	966,548	666,022	(300,526)	68.9		
<b>JUMLAH</b>			<b>2,644,028</b>	<b>1,823,962</b>	<b>(820,066)</b>	<b>69.0</b>	<b>13</b>	<b>3</b>

Sumber: Laporan Bajet dan Penyata Pendapatan Magna Focus Sdn. Bhd. Tahun 2016, 2017 dan 2018

### Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019

Bagi memastikan sasaran kuantiti pengambilan pasir syarikat dicapai, MFSB telah menambahkan kekerapan penguatkuasaan bersama agensi yang berkaitan mulai 2019, merancang dan melaksanakan *stockpile* pasir secara berpusat dan menggunakan GPS bagi memastikan retan bulanan kontraktor adalah tepat.

**Pada pendapat Audit, prestasi pengambilan pasir adalah kurang cekap kerana tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan pencapaian antara 65.9% dan 70.6% di setiap kawasan bagi tahun 2016 hingga 2018.**

#### c. Pencapaian *Outcome* - Kutipan Hasil

- i. Kontrak pengambilan pasir antara MFSB dan kontraktor telah menetapkan kuantiti pengambilan pasir di setiap kawasan. MFSB juga menyediakan jadual pembayaran untuk setiap kontraktor dengan menyatakan tempoh, kuantiti, yuran pengurusan dan royalti yang perlu dibayar kepada MFSB setiap bulan. MFSB akan mengeluarkan invois kepada kontraktor setiap

bulan pada 1 haribulan dan perlu dibayar pada atau sebelum 7 haribulan sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa. Sekiranya kontraktor lewat atau gagal membuat pembayaran, jumlah tersebut akan diselaraskan dari deposit sekuriti.

- ii. Berdasarkan bajet tahunan MFSB, anggaran kuantiti pengambilan pasir yang diluluskan bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah sebanyak 11.83 juta MT. Pencapaian sebenar kuantiti pengambilan pasir bagi tempoh yang sama adalah sebanyak 8.23 juta MT dengan varian sebanyak 3.60 juta MT (30.4%) berbanding 11.83 juta MT yang disasarkan. Selain itu, bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, pencapaian kuantiti pengambilan pasir adalah antara 60.9% hingga 84.5%.
- iii. Berdasarkan kontrak pengambilan pasir, sejumlah RM4.30 dikenakan kepada kontraktor yang berkaitan sebagai yuran bagi setiap MT pasir yang diambil. Yuran tersebut merangkumi yuran pengurusan berjumlah RM3.00, RM0.30 untuk dana Tabung Amanah Pasir dan sejumlah RM1.00 bagi royalti pasir. Bagaimanapun, mulai 31 Ogos 2016, Kerajaan Negeri Sarawak telah menaikkan kadar royalti pasir kepada RM2.00 bagi setiap MT pasir yang diambil. Kenaikan tersebut menyebabkan kadar baharu yuran meningkat daripada RM4.30 kepada RM5.30 bagi setiap MT pasir yang diambil. Pada tahun 2016 hingga 2018, MFSB telah menetapkan sasaran pendapatan berjumlah RM55.28 juta. Bagaimanapun, pendapatan sebenar MFSB bagi tempoh yang sama adalah berjumlah RM38.60 juta dengan pengurangan sejumlah RM16.68 juta (30.2%) berbanding sasaran yang ditetapkan. Pencapaian sebenar berbanding sasaran bagi tempoh tersebut masing-masing adalah pada kadar 83.9% dan 64.4%. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PRESTASI PENGAMBILAN PASIR DAN**  
**KUTIPAN HASIL BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

BUTIRAN	2016	2017	2018	JUMLAH
<b>Pengambilan Pasir (MT Juta)</b>				
Sasaran	3.73	3.91	4.19	11.83
Sebenar	3.15	2.38	2.70	8.23
<b>PENCAPAIAN (%)</b>	<b>84.5</b>	<b>60.9</b>	<b>64.4</b>	<b>69.6</b>
<b>Pendapatan (RM Juta)</b>				
Sasaran	15.36	17.69	22.23	55.28
Sebenar	12.88	11.40	14.32	38.60
<b>PENCAPAIAN (%)</b>	<b>83.9</b>	<b>64.4</b>	<b>64.4</b>	<b>69.8</b>

Sumber: Penyata Pendapatan Magna Focus Sdn. Bhd.

iv. Pencapaian sebenar kuantiti pengambilan pasir dan pendapatan yang diperoleh menunjukkan trend penurunan pada tahun 2017 disebabkan perkara berikut:

- JTS mengeluarkan arahan menghentikan kerja berkuat kuasa bulan Mei 2017 di Sungai Sarawak, Kuching;
- pada bulan Ogos 2018, arahan menghentikan kerja dikeluarkan oleh JTS bagi kawasan pengambilan pasir di Sungai Batang Saribas, Betong berikutan bantahan penduduk setempat dan lesen tersebut tidak diperbaharui;
- lesen bagi kawasan Limbang yang tamat tempoh pada bulan Disember 2016 hanya diperbaharui oleh JTS pada bulan Mei 2017 menyebabkan tiada aktiviti pengambilan pasir dan kutipan hasil serta royalti dari bulan Januari hingga April 2017; dan
- kontrak ditamatkan bagi kontraktor yang gagal membayar yuran pengurusan serta royalti, kontraktor tidak memperbaharui kontrak dan permintaan pasir yang kurang.

#### **Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019**

MFSB akan mengambil langkah yang lebih proaktif untuk memastikan kutipan hasil meningkat serta sasaran yang ditetapkan boleh dicapai dan sekiranya terdapat keperluan, semakan semula sasaran akan dibuat.

**Pada pendapat Audit, prestasi kutipan hasil pengambilan pasir adalah kurang cekap dan tidak konsisten kerana tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan dengan pencapaian hanya pada kadar 64.4% dan 83.9% bagi tahun 2016 hingga 2018.**

#### **d. Pencapaian *Outcome* - Pembayaran Royalti Kepada Kerajaan Negeri Sarawak**

- i. Seksyen 32A(2) Kanun Tanah menetapkan lesen pengambilan pasir dikeluarkan tertakluk kepada terma serta syarat yang ditetapkan oleh JTS

termasuk pembayaran royalti pada kadar yang telah diluluskan oleh Menteri. Berdasarkan syarat kelulusan lesen, JTS menetapkan pembayaran royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak adalah pada kadar RM1 untuk setiap MT pasir yang diambil. Kerajaan Negeri Sarawak telah menaikkan kadar kepada RM2 untuk setiap MT pasir selaras dengan kelulusan Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar pada 31 Ogos 2016.


- ii. Bagi tahun 2016 hingga 2018, hasil royalti pasir Kerajaan Negeri Sarawak adalah berjumlah RM16.55 juta. Perbandingan kutipan hasil royalti pasir antara MFSB dan pelesen lain mendapati MFSB menyumbang sejumlah RM12.33 juta (74.5%) daripada keseluruhan jumlah hasil royalti tersebut. Pelesen lain menyumbang sejumlah RM4.22 juta (25.5%) hasil royalti kepada Kerajaan Negeri Sarawak. Kutipan royalti oleh MFSB mencatatkan trend peningkatan iaitu masing-masing berjumlah RM3.15 juta (2016), RM3.77 juta (2017) dan RM5.41 juta (2018). Bagi tempoh yang sama, hasil royalti yang diterima oleh Kerajaan Negeri Sarawak juga menunjukkan trend peningkatan. Kutipan hasil royalti oleh Kerajaan Negeri Sarawak meningkat dari sejumlah RM3.68 juta pada tahun 2016 kepada RM5.02 juta pada tahun 2017 dan RM7.85 juta pada tahun 2018. Peningkatan hasil royalti secara keseluruhan adalah kesan daripada kenaikan kadar royalti yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Sarawak mulai bulan Ogos 2016 dan juga peningkatan kuantiti pengambilan pasir pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6, Jadual 7** dan **Carta 3**.

**JADUAL 6**  
**KUTIPAN ROYALTI MFSB DAN HASIL ROYALTI PASIR**  
**KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

KUTIPAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	JUMLAH	
				(RM Juta)	(%)
MFSB	3.15	3.77	5.41	12.33	74.5
Pelesen Lain	0.53	1.25	2.44	4.22	25.5
<b>JUMLAH</b>	<b>3.68</b>	<b>5.02</b>	<b>7.85</b>	<b>16.55</b>	

Sumber: Maklumat Jabatan Tanah dan Survei serta Rekod Bayaran Royalti Magna Focus Sdn. Bhd.

**CARTA 3**  
**HASIL ROYALTI PASIR**  
**KERAJAAN NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**



Sumber: Rekod Kutipan Hasil Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak dan Rekod Royalti Magna Focus Sdn. Bhd.  
Nota: (\*) - RM0.53 juta

**JADUAL 7**  
**KUANTITI PENGAMBILAN PASIR DAN**  
**PEMBAYARAN ROYALTI BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

TAHUN	PENGAMBILAN PASIR (MT Juta)	ROYALTI DIBAYAR (RM Juta)
2016	3.15	3.15
2017	2.38	3.77
2018	2.70	5.41
<b>JUMLAH</b>	<b>8.23</b>	<b>12.33</b>

Sumber: Lejar Am dan Dokumen Pengambilan Pasir Magna Focus Sdn. Bhd.

- iii. Syarat 4 dalam lesen pengambilan pasir yang diluluskan menetapkan royalti hendaklah dibayar kepada JTS setiap bulan iaitu dalam tempoh 14 hari pada bulan berikutnya. Semakan Audit terhadap 80 baucar pembayaran royalti bernilai RM3.39 juta oleh MFSB kepada JTS bagi transaksi bulan Januari hingga Mei untuk tahun 2016, 2017 dan 2018 yang dipilih sebagai sampel pengauditan mendapati pengurusan pembayaran royalti adalah teratur. Hal ini disebabkan tiada tunggakan bayaran kepada JTS, royalti dibayar dalam tempoh yang ditetapkan, pengeluaran baucar bayaran mematuhi peraturan kewangan yang sedang berkuat kuasa dan resit telah diterima dengan sewajarnya.

**Pada pendapat Audit, pengurusan pembayaran royalti pasir adalah cekap kerana telah berjaya mengutip 74.5% daripada jumlah keseluruhan hasil royalti pasir Kerajaan Negeri Sarawak. Selain itu, tiada tunggakan pembayaran royalti oleh MFSB dan pembayaran telah dibuat dengan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan.**

**e. Pencapaian *Outcome* - Program *Corporate Social Responsibility***

- i. Akaun Amanah Pasir MFSB ditubuhkan pada tahun 2004 dengan tujuan sebagai sumber dana untuk program *Corporate Social Responsibility* (CSR) yang dilaksanakan bagi membantu penduduk di kawasan pengambilan pasir. Sumber dana tersebut adalah merupakan sejumlah RM0.30 daripada yuran pengurusan berjumlah RM5.30 yang dikenakan kepada kontraktor bagi setiap MT pasir yang diambil. Antara bantuan yang diberi menggunakan dana ini adalah bantuan persekolahan bagi murid pra-sekolah dan sekolah rendah, sumbangan kepada keluarga yang memerlukan, bantuan sosial serta rekreasi dan bantuan untuk menjalankan aktiviti keagamaan. Semakan Audit terhadap perbelanjaan yang dibuat melalui akaun ini mendapati perbelanjaan adalah bagi tujuan memenuhi tanggungjawab sosial syarikat di kawasan yang berkenaan iaitu selaras dengan objektif penubuhan akaun.
  
- ii. Baki Akaun Amanah Pasir MFSB berjumlah RM2.47 juta, RM2.18 juta dan RM2.49 juta masing-masing pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Analisis Audit mendapati bagi tahun 2016 hingga 2018, Kawasan Tengah adalah penyumbang terbesar kepada kutipan Akaun Amanah Pasir MFSB dengan kutipan berjumlah RM414,223 (52.3%), RM365,902 (69.4%) dan RM0.52 juta (71.5%). Bagi tempoh yang sama MFSB telah membelanjakan masing-masing sejumlah RM458,655, RM0.82 juta dan RM247,079 untuk melaksanakan program CSR syarikat. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**PRESTASI KUTIPAN DAN PERBELANJAAN AKAUN AMANAH PASIR MFSB**

BIL.	KAWASAN	2016			2017			2018		
		KUTIPAN (RM)	DERMA		KUTIPAN (RM)	DERMA		KUTIPAN (RM)	DERMA	
<b>SELATAN</b>										
1.	Kuching	254,610	80,716		46,597	645,198		72,036	87,153	
2.	Samarahan	0	5,000		0	0		0	0	
3.	Serian	1,077	0		0	0		2,388	0	
4.	Betong	0	50,000		20,027	0		11,010	0	
	<b>JUMLAH</b>	<b>255,687</b>	<b>135,716</b>	<b>53.1</b>	<b>66,624</b>	<b>645,198</b>	<b>968.4</b>	<b>85,434</b>	<b>87,153</b>	<b>102.0</b>
<b>TENGAH</b>										
5.	Kapit	11,367	0		9,981	0		9,411	10,000	
6.	Mukah	33,908	77,000		93,032	12,000		104,076	0	
7.	Sarikei	8,004	0		4,689	0		15,354	10,000	
8.	Sibu	133,056	0		119,843	0		284,435	8,500	
9.	LAKIB	22,679	22,720		12,294	16,125		0	0	

BIL.	KAWASAN	2016			2017			2018		
		KUTIPAN (RM)	DERMA		KUTIPAN (RM)	DERMA		KUTIPAN (RM)	DERMA	
			(RM)	(%)		(RM)	(%)		(RM)	(%)
10.	LAMSRM	9,729	9,724		5,603	7,219		5,756	5,756	
11.	Yayasan Mukah	195,480	213,495		120,460	132,965		101,942	125,670	
	<b>JUMLAH</b>	<b>414,223</b>	<b>322,939</b>	<b>78.0</b>	<b>365,902</b>	<b>168,309</b>	<b>46.0</b>	<b>520,974</b>	<b>159,926</b>	<b>30.7</b>

#### UTARA

12.	Bintulu	52,329	0		33,989	0		41,591	0	
13.	Limbang	17,077	0		9,356	3,000		19,490	0	
14.	Miri	52,270	0		51,189	0		61,390	0	
	<b>JUMLAH</b>	<b>121,676</b>	<b>0</b>		<b>94,534</b>	<b>3,000</b>	<b>3.2</b>	<b>122,471</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>791,586</b>	<b>458,655</b>		<b>57.9</b>	<b>527,060</b>	<b>816,507</b>	<b>154.9</b>	<b>728,879</b>	<b>247,079</b>
										<b>33.9</b>

Sumber: Lejar Akaun Amanah Pasir Magna Focus Sdn. Bhd.

Nota: LAKIB - Lembaga Amanah Kebajikan Islam Balingian

LAMSRM - Lembaga Amanah Masjid Setia Raja Mukah

#### Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019

MFSB memaklumkan semua perbelanjaan untuk aktiviti CSR syarikat telah dibuat selepas kelulusan diperoleh daripada Pengarah Urusan. Sumbangan kepada penerima CSR adalah berdasarkan kutipan terkumpul dalam Akaun Amanah Pasir.

**Pada pendapat Audit, MFSB telah melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan menyediakan dana khas bagi tujuan tersebut dan perbelanjaan adalah selaras dengan objektif penubuhan akaun tersebut.**

#### 6.2.2. Pelaksanaan Aktiviti

MFSB mempunyai SOP untuk pengeluaran dan pembaharuan kontrak pengambilan pasir serta aktiviti penguatkuasaan. SOP ini menetapkan prosedur pelantikan kontraktor, pembaharuan kontrak dan pemantauan operasi pengambilan pasir. Prosedur berkenaan diguna pakai bagi memastikan proses pelantikan kontraktor dan pengurusan operasi pengambilan pasir adalah teratur. MFSB akan mengeluarkan kontrak kepada kontraktor yang telah berjaya dan pengambilan pasir oleh kontraktor yang dilantik adalah terhad kepada kawasan yang telah dilesenkan kepada MFSB.

### **a. Pelantikan Kontraktor Baharu dan Pembaharuan Kontrak Sedia Ada**

- i. MFSB telah mewujudkan *Sand Operation Committee* (SOC) bertujuan untuk menguruskan permohonan kontrak baharu yang diterima dan pembaharuan kontrak sedia ada. Ahli Jawatankuasa SOC terdiri daripada seorang Pengerusi iaitu Pengarah Urusan MFSB dan lima (5) ahli yang terdiri daripada Lembaga Pengarah MFSB.
- ii. Mesyuarat SOC membincangkan laporan prestasi kewangan dan fizikal bulanan syarikat, laporan pemantauan dan permohonan kontrak pengambilan pasir baharu serta permohonan pembaharuan semula kontrak. Penilaian terhadap permohonan kontraktor yang berkenaan akan dibuat berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam SOP pengambilan pasir MFSB. Kelulusan akan dibuat oleh SOC sekiranya kontraktor memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. Antara perkara yang dibincangkan oleh SOC bagi permohonan kontrak baharu adalah latar belakang sungai, anggaran kuantiti pasir, permintaan pasir di kawasan tersebut, maklumat kontraktor yang berkenaan dan bilangan kontraktor di kawasan yang sama.
- iii. Semakan Audit terhadap minit mesyuarat SOC yang diadakan pada tahun 2018 mendapati komposisi ahli mesyuarat adalah seperti yang ditetapkan dalam SOP. Semakan lanjut terhadap tujuh (7) permohonan kontrak baharu bagi tahun 2018 mendapati pelantikan kontraktor adalah mematuhi kriteria yang ditetapkan dalam SOP.
- iv. Bagi tahun 2018, MFSB telah menandatangani 48 kontrak dengan kontraktor yang dilantik iaitu tiga (3) kontrak baharu dan 45 kontrak sedia ada yang diperbaharui. Kontraktor yang telah lulus proses pemilihan akan diberi surat tawaran untuk menjalankan kerja pengambilan pasir. Surat tawaran tersebut akan memaklumkan kontraktor yang dilantik dengan maklumat kawasan yang dibenarkan untuk pengambilan pasir, kuantiti serta tempoh kontrak yang diluluskan, peraturan am seperti yuran pengurusan, deposit serta syarat pembayaran, kontrak tidak boleh dipindah milik dan pemasangan UbiQTrac di tongkang untuk tujuan memantau pergerakannya. UbiQTrac adalah satu alat pengesan yang menggunakan isyarat *Global Positioning System* (GPS) untuk memantau pergerakan tongkang secara *real time*. Kontrak akan ditandatangani selepas kontraktor menerima dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap 17 kontrak yang dipilih untuk pengauditan mendapati semua kontrak telah disediakan dan ditandatangani dengan sewajarnya.

v. Analisis Audit terhadap data kontraktor pengambilan pasir MFSB mendapati bagi tahun 2016 hingga 2018, bilangan kontraktor berkurangan daripada 87 pada tahun 2016 kepada 56 pada tahun 2017 dan 48 pada tahun 2018. Bilangan kontraktor baharu yang dilantik mencatat trend menurun iaitu masing-masing sebanyak 19, 10 dan tiga (3) bagi tempoh yang sama. Bilangan kontraktor yang diberi pembaharuan kontrak juga berkurangan iaitu daripada 68 pada tahun 2016 kepada 46 pada tahun 2017 dan 45 pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9**  
**STATUS KONTRAK DAN BILANGAN**  
**KONTRAKTOR MFSB BAGI TAHUN 2016 HINGGA 2018**

STATUS KONTRAK	BILANGAN KONTRAKTOR		
	2016	2017	2018
Baru	19	10	3
Pembaharuan	68	46	45
<b>JUMLAH</b>	<b>87</b>	<b>56</b>	<b>48</b>

Sumber: Rekod Kontraktor Magna Focus Sdn. Bhd.

### Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019

Antara faktor yang menyebabkan bilangan kontraktor menurun bagi tahun 2016 hingga 2018 adalah projek yang dilaksanakan oleh kontraktor telah siap, tiada permintaan pasir di pasaran tempatan, kontrak ditamatkan disebabkan bantahan penduduk tempatan dan penetapan had minimum sebanyak 60,000 MT pasir setahun oleh JTS bagi setiap lesen yang diluluskan. MFSB telah membuat promosi melalui laman sesawang, surat khabar utama di Sarawak dan promosi oleh pegawai di Unit Pelesenan dan Kontrak serta Unit Pemantauan MFSB.

**Pada pendapat Audit, pelantikan kontraktor baharu dan perubahan kontrak telah diurus dengan cekap.**

### b. Prestasi Kontraktor

i. Berdasarkan kontrak yang dimeterai, MFSB telah menetapkan kuantiti, tempoh, deposit sekuriti dan pembayaran yuran pengurusan sejumlah RM3.30 dan royalti sejumlah RM2.00 untuk setiap MT pasir yang diambil.

Kontraktor yang tidak mematuhi syarat kontrak akan diambil tindakan susulan dengan merampas bayaran deposit sekuriti, menangguhkan atau menamatkan kontrak.

- ii. Semakan Audit terhadap 17 kontrak bernilai RM2.92 juta dan rekod hasil MFSB mendapati tujuh (7) kontraktor tidak mencapai sasaran kuantiti pasir yang telah ditetapkan dalam kontrak. Keadaan ini boleh menjelaskan kutipan hasil syarikat dan royalti bagi pihak Kerajaan Negeri Sarawak. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10**.

**JADUAL 10**  
**PRESTASI PENCAPAIAN PENGAMBILAN PASIR OLEH KONTRAKTOR**

BIL.	RUJ. KONTRAK	TEMPOH KONTRAK	KONTRAK		PENCAPAIAN		CATATAN
			(RM)	(MT)	(MT)	(%)	
1.	Sn/LMBB2-2014/17-03/002	06.03.2017 – 05.05.2018	179,407	32,400	24,300	75.0	Kontrak ditangguh pada bulan September dan Oktober 2017 serta ditamatkan kontrak pada Januari 2018. Syarikat beroperasi untuk 9 bulan sahaja
2.	Sn/SG/D2/18-01/001	08.01.2018 – 07.01.2019	186,005	33,600	5,600	16.7	Operasi pengambilan pasir hanya setakat bulan Februari 2018
3.	Nn/4D2/18-03/001	01.03.2018 – 28.02.2019	251,981	45,600	12,667	27.8	Operasi ditangguh pada bulan Februari hingga Mac 2018 dan ditamatkan kontrak pada bulan Jun 2018
4.	Sn/LMBB3-2014/17/08-002	15.08.2017 – 14.08.2018	79,171	14,400	0	0	Kontraktor gagal membuat pembayaran yuran dan ditamatkan kontrak
5.	Nn/5D1/17-05/002	18.05.2017 – 26.05.2018	98,964	18,000	13,500	75.0	Kontrak ditangguhkan dua bulan dan ditamatkan kontrak
6.	Nn/5D1/18-03/001	01.03.2018 – 28.02.2019	92,366	16,800	2,530	15.1	Pengambilan pasir pada bulan April dan Mei 2018 sahaja dan kontrak ditamatkan.
7.	Sn/LMBB2-2014/16-06/003	01.06.2016 – 31.05.2017	91,759	20,400	10,200	50.0	Kontrak ditamatkan pada bulan Disember 2016
<b>JUMLAH</b>			<b>979,653</b>	<b>181,200</b>	<b>68,797</b>	<b>38.0</b>	

Sumber: Fail Kontrak Magna Focus Sdn. Bhd.

### Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019

Bagi mengatasi bantahan penduduk tempatan, MFSB mengambil tindakan memastikan perbincangan awal diadakan dengan kontraktor, penduduk tempatan dan mengelakkan kawasan sensitif untuk aktiviti pengambilan pasir.

**Pada pendapat Audit, MFSB telah mengambil tindakan yang positif bagi memastikan prestasi pencapaian kontraktor meningkat.**

**c. Pemantauan Aktiviti Pengambilan Pasir**

- i. MFSB telah menubuhkan Unit Pemantauan yang diketuai oleh seorang Pegawai Eksekutif Operasi. Selain itu, MFSB juga melantik seorang Pegawai Penguatkuasa bagi mengetuai Unit Pemantauan di tiga (3) pejabat kawasan. MFSB telah menjalankan pemantauan secara mingguan serta pemantauan suku tahunan dengan agensi penguatkuasa yang lain seperti JTS, Lembaga Sungai-Sungai Sarawak (LSS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak (NREB) serta Jabatan Laut Malaysia (JLM). Program pemantauan berperanan bagi mengawal selia aktiviti pengambilan pasir serta pematuhan kepada peraturan yang ditetapkan oleh JTS. Selain itu, pemantauan ini membantu MFSB dalam membuat penilaian terhadap prestasi kontraktor pengambilan pasir bagi tujuan pembaharuan lesen serta menilai tahap pematuhan syarat kontrak oleh kontraktor. Skop pemantauan adalah keselamatan dan keadaan kawasan pengambilan pasir, lokasi serta pendaftaran *stockpile* serta tongkang, pemeriksaan UbiQTrac, tongkang dan kaedah pengambilan pasir.
- ii. Semakan Audit terhadap jadual dan laporan pemantauan MFSB mendapati program pemantauan dilaksanakan secara mingguan di kawasan yang berkenaan. MFSB telah mengenal pasti isu yang perlu dikawal rapi bagi memastikan aktiviti pengambilan pasir dilaksanakan dengan mematuhi peraturan yang ditetapkan. Antaranya adalah penggunaan tongkang serta *stockpile* yang tidak berdaftar di kawasan pengambilan pasir, menyah-aktif sistem UbiQTrac dan hakisan kawasan tebingan sungai.
- iii. Bagi pemantauan bersama agensi penguatkuasa lain berkaitan yang dibuat secara suku tahun, laporan akan disediakan mengikut format yang telah disediakan oleh JTS dan tindakan susulan akan diambil oleh agensi berkenaan. Semakan Audit terhadap laporan penguatkuasaan JTS bersama agensi lain berkaitan mendapati ada kelemahan yang perlu ditambah baik selaras dengan peraturan yang ditetapkan. Ketidakpatuhan kontraktor yang dikenal pasti adalah berdasarkan syarat kontrak MFSB serta SOP agensi yang berkaitan. Contoh ketidakpatuhan kontraktor adalah seperti dalam **Jadual 11.**

**JADUAL 11**  
**KETIDAKPATUHAN KONTRAKTOR TERHADAP SYARAT LESEN/KONTRAK**

BIL.	TARIKH	NO. LESEN KAWASAN	KETIDAKPATUHAN KONTRAKTOR	AGENSI PELAKSANA
1.	15.11.2018	SG/1D/1/2018	Tiga tongkang dan tiga bot penunda yang beroperasi tidak memenuhi kriteria LSS.	LSS
			Pemeriksaan terhadap sembilan (9) buah bot/tongkang mendapat hampir kesemua dokumen bot/tongkang tidak disimpan di atas bot/tongkang dan telah tamat tempoh; Peralatan keselamatan didapati tidak memuaskan.	JLM
			Tiga (3) kapal penunda telah diperiksa dan semua tidak mengikut kriteria yang ditetapkan oleh JLS.	MFSB
2.	12.02.2016	LMBB (PASIR/ BATU KELIKIR)/01/ 2001-5	Terdapat struktur bangunan rumah pengawal keselamatan dan rumah pekerja di kawasan pengambilan pasir yang hanya diluluskan untuk <i>stockpile</i> sahaja.	JTS
			Tapak bengkel dibina tanpa kebenaran.	NREB
			Tiada aktiviti semasa lawatan. Arahan dikeluarkan untuk menghentikan aktiviti di bengkel .	MFSB
3.	12.02.2016	LMBB (PASIR/ BATU KELIKIR)/01/ 2001-5	Kontraktor telah diarahkan untuk mengalahi <i>stockpile</i> pasir dari tebingan sungai dan membaik pulih sistem saliran.	NREB
4.	12.02.2016	LMBB (PASIR/ BATU KELIKIR)/02/ 2014	Benteng sungai perlu dibaik pulih.	NREB

Sumber: Laporan Pemantauan Jabatan Tanah dan Survei, Sarawak

iv. Lawatan Audit ke lima (5) lokasi pengambilan pasir yang dilesenkan kepada MFSB pada 28 dan 29 Januari 2019 di kawasan Bau, Serian, Lundu dan Sematan mendapati aktiviti pengambilan pasir adalah teratur dan tiada aktiviti pengambilan pasir haram berlaku. Pasir yang diambil daripada dasar sungai ditapis untuk membersihkan pasir daripada sisa dan batu kelikir. Bagi kawasan lesen SG/1D/3/2017 di Bau, pengambilan pasir adalah menggunakan kaedah pam penyedut dan kuantiti pasir di *stockpile* semasa lawatan adalah dalam anggaran 20 MT hingga 600 MT. Bagi kawasan lesen SG/12D/1/2016 di Serian dan SG/1D/1/2018 di Sematan/Lundu, kaedah pengambilan pasir adalah menggunakan *clamp shell bucket* dan tongkang dengan kuantiti *stockpile* adalah dalam anggaran 3,000 MT hingga 7,000 MT. Pemeriksaan Audit mendapati aktiviti yang dijalankan menggunakan kaedah yang telah ditetapkan dalam kontrak, tongkang yang digunakan serta lokasi *stockpile* adalah seperti yang didaftarkan dan alat UbiQTrac yang dipasang di tongkang berfungsi dengan baik. Keadaan adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **Gambar 6**.

**GAMBAR 1**

No. Kontrak: Sn/SG1D3/18-03/001  
Sungai Sarawak Kanan, Bau  
- Kaedah Pengambilan: Pam Penyedut Pasir  
(28.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 2**

No. Kontrak: Sn/SG1D1/18-09/002  
Sg. Sebako  
- Kaedah Pengambilan: Clamp Shell Bucket  
(29.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 3**

No. Kontrak: Sn/SG1D3/18-03/001  
Sungai Sarawak Kanan, Bau  
- Mesin Pembersih Pasir  
(28.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 4**

No. Kontrak: Sn/SG1D1/18-09/002  
Sg. Sebako  
- Proses Pembersihan Pasir  
(29.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 5**

No. Kontrak: Sn/SG112D/18-04/002  
Batang Sadong, Serian  
- Kerja Memunggah Pasir ke Kawasan Stockpile  
(28.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 6**

No. Kontrak: Sn/SG1D1/18-09/004  
Sg. Sebako  
- Penggunaan Tongkang untuk Aktiviti Pengambilan Pasir  
(29.01.2019)  
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

### Maklum Balas MFSB yang Diterima pada 26 Mac 2019

Bagi mengurangkan ketidakpatuhan kontraktor, pemantauan bersama agensi penguatkuasa terlibat dilaksanakan empat (4) kali setahun bagi setiap kawasan lesen dan setiap dua (2) bulan di kawasan sensitif, penggunaan sistem GPS UbiQTrac, kerjasama dengan penghulu, ketua kaum serta penduduk tempatan dan penerangan kepada kontraktor baharu akan dibuat sebelum kerja dimulakan.

**Pada pendapat Audit, pemantauan MFSB terhadap operasi pengambilan pasir oleh kontraktor yang dilantik adalah cekap kerana pemantauan telah dilaksanakan mengikut jadual, laporan ada disediakan dan tindakan susulan diambil terhadap ketidakpatuhan kontraktor.**

### 6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Penyata kewangan MFSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah diberi laporan tanpa teguran oleh Tetuan Idris Ibrahim & Co. Analisis terhadap kedudukan kewangan MFSB bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta tunai dan kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 12**.



**JADUAL 12  
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan	18.20	11.40	14.32
Lain-lain Pendapatan	0.83	0.64	0.76
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>	<b>19.03</b>	<b>12.04</b>	<b>15.08</b>
Kos Pengeluaran	(9.05)	(4.09)	(6.35)
Perbelanjaan Pentadbiran	(4.52)	(4.58)	(4.11)
Penyelidikan dan Pembangunan	(0.34)	(0.03)	0.00
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>(13.91)</b>	<b>(8.70)</b>	<b>(10.46)</b>
<b>KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT</b>	<b>5.12</b>	<b>3.34</b>	<b>4.62</b>
Cukai dan Zakat	(1.58)	(0.93)	(1.34)
<b>KEUNTUNGAN SELEPAS CUKAI DAN ZAKAT</b>	<b>3.54</b>	<b>2.41</b>	<b>3.28</b>
<b>DIVIDEN</b>	<b>(4.00)</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>
<b>KEUNTUNGAN TERKUMPUL</b>	<b>12.46</b>	<b>14.87</b>	<b>15.15</b>
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>20.42</b>	<b>22.14</b>	<b>23.84</b>
<b>JUMLAH LIABILITI</b>	<b>5.39</b>	<b>4.99</b>	<b>5.93</b>
<b>JUMLAH EKUITI</b>	<b>15.03</b>	<b>17.15</b>	<b>17.92</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>	<b>20.42</b>	<b>22.14</b>	<b>23.84</b>
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN</b>	<b>15.82</b>	<b>18.21</b>	<b>18.04</b>

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.2. Pendapatan utama MFSB adalah daripada yuran pengurusan yang dikenakan terhadap kontraktor bagi operasi pengambilan pasir dan bayaran yang diterima daripada PHSB untuk kontrak menambun tanah. Pendapatan utama MFSB menurun sejumblah RM6.80 juta (37.4%) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Ini adalah disebabkan mulai tahun 2017, MFSB tidak melaksanakan kontrak

menambun tanah untuk PHSB. Bagaimanapun, pendapatan utama MFSB meningkat sejumlah RM2.92 juta (25.6%) pada tahun 2018 berbanding tahun 2017. MFSB merekodkan pendapatan utama berjumlah RM11.40 juta dan RM14.32 juta masing-masing bagi tahun 2017 dan 2018 disumbang oleh hasil yuran pengurusan yang dikenakan terhadap kontraktor operasi pengambilan pasir.

6.3.3. Pendapatan MFSB terdiri daripada deposit, faedah simpanan tetap, yuran pengurusan projek menambun tanah dan pasir, pendapatan pelbagai, sewaan dan pendapatan runcit. Lain-lain pendapatan MFSB menurun sejumlah RM195,193 (23.3%) pada tahun 2017 berbanding 2016. Bagaimanapun, ia meningkat sejumlah RM117,849 (18.4%) pada tahun 2018. Pelaksanaan projek menambun tanah dan pasir bagi pihak PHSB menyebabkan MFSB mencatat lain-lain pendapatan yang tinggi pada tahun 2016. MFSB telah menerima sejumlah RM72,004 yuran pengurusan daripada kontraktor yang berkenaan pada tahun 2016 dan tiada yuran pengurusan diterima pada tahun 2017 dan 2018. Trend pendapatan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Carta 4** dan **Jadual 12**.


6.3.4. Perbelanjaan MFSB meliputi kos pengeluaran, perbelanjaan pentadbiran serta penyelidikan dan pembangunan. Pada tahun 2018, perbelanjaan tersebut telah meningkat sejumlah RM1.76 juta (20.2%) berbanding tahun 2017 disebabkan oleh peningkatan dalam kos pengeluaran syarikat. Perbelanjaan kos pengeluaran terdiri daripada bayaran royalti, akaun amanah pasir dan kos projek. Kos pengeluaran MFSB menurun sejumlah RM4.96 juta (54.8%) pada tahun 2017 berbanding 2016 dan seterusnya meningkat sejumlah RM2.26 juta (55.3%) pada tahun 2018. Penurunan perbelanjaan kos pengeluaran disebabkan kebanyakan projek menambun tanah yang diterima daripada PHSB telah siap dilaksanakan pada tahun 2016 dan tiada projek baharu pada tahun 2017. Trend perbelanjaan bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Carta 4** dan **Jadual 12**.

6.3.5. Trend pendapatan dan perbelanjaan bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah memberi kesan terhadap keuntungan MFSB. MFSB mencatatkan keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM5.12 juta, RM3.34 juta dan RM4.62 juta masing-masing pada tahun 2016, 2017 dan 2018. Keuntungan sebelum cukai dan zakat menurun sejumlah RM1.78 juta (34.8%) pada tahun 2017 berbanding tahun 2016. Ia meningkat sejumlah RM1.28 juta (38.3%) pada tahun 2018. Keuntungan sebelum cukai dan zakat pada tahun 2016 tinggi kerana MFSB telah menjalankan projek menambun tanah dan pasir yang ditawarkan oleh PHSB. Sehingga 31 Disember 2018, MFSB merekodkan keuntungan terkumpul berjumlah RM15.15 juta. Trend keuntungan sebelum cukai dan zakat serta keuntungan terkumpul bagi tiga (3) tahun yang berkaitan adalah seperti dalam **Carta 5**.

**CARTA 4**  
**TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**



**CARTA 5**  
**TREND KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI DAN ZAKAT SERTA KEUNTUNGAN TERKUMPUL BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Bagi Tahun 2016, 2017 dan 2018

6.3.6. Analisis Audit terhadap kedudukan aset dan liabiliti syarikat mendapati MFSB mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya kerana kedudukan aset melebihi liabiliti bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. MFSB merekodkan aset masing-masing berjumlah RM20.42 juta, RM22.14 juta dan RM23.84 juta bagi tempoh tersebut. Komponen terbesar bagi aset semasa adalah pelaburan dalam amanah saham. Komponen terbesar yang menyumbang kepada aset semasa adalah tunai dan kesetaraan tunai. Pada tahun 2018, aset MFSB telah meningkat sejumlah RM1.70 juta (7.7%) berbanding tahun 2017 disebabkan oleh pembayaran pendahuluan royalti kepada JTS.

6.3.7. Liabiliti semasa MFSB terdiri daripada deposit sekuriti, deposit pemprosesan, pemutang lain dan akruan. Liabiliti menurun bagi tahun 2016 dan 2017 iaitu berjumlah RM5.39 juta serta RM4.99 juta. Liabiliti semasa meningkat kepada RM5.93 juta pada tahun 2018 disebabkan peningkatan kutipan deposit sekuriti. Pada tahun 2018, tahap kecairan MFSB meningkat kepada 3.96:1 berbanding 3.36:1 pada tahun 2017. Ini menunjukkan MFSB mampu menjelaskan obligasinya dalam jangka masa pendek. MFSB juga cekap menguruskan aset untuk menjana keuntungan dengan pulangan berjumlah RM13.80 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset.

6.3.8. Analisis Audit juga dijalankan terhadap aliran tunai MFSB bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung keperluan perbelanjaan syarikat. Tunai dan kesetaraan tunai MFSB pada tahun 2016, 2017 dan 2018 masing-masing adalah berjumlah RM15.82 juta, RM18.21 juta dan RM18.04 juta. Pada tahun 2018, MFSB

mencatat penurunan tunai dan kesetaraan tunai kerana syarikat telah membayar dividen sejumlah RM3 juta kepada pemegang saham.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya kedudukan kewangan MFSB adalah kukuh.**

## **7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, berdasarkan pengauditan terhadap tadbir urus korporat, aktiviti utama dan kedudukan kewangan mendapati objektif penubuhan MFSB telah dicapai. Tadbir urus korporat adalah memuaskan manakala pengurusan aktiviti dari aspek pencapaian sasaran kuantiti dan hasil pengambilan pasir adalah kurang cekap. Kedudukan kewangan syarikat berada pada tahap kukuh kerana mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat sejumlah RM4.62 juta pada tahun 2018. Keuntungan terkumpul syarikat juga meningkat kepada RM15.15 juta pada tahun 2018 berbanding RM14.87 juta pada tahun 2017. Bagaimanapun, masih terdapat kelemahan tadbir urus korporat dari aspek pengurusan mesyuarat Lembaga Pengarah, penyediaan SOP dan Pelan Strategik yang turut menyebabkan syarikat tidak mencapai sasaran tahunan hasil serta kuantiti pasir yang telah ditetapkan.

## **8. SYOR AUDIT**

Bagi membolehkan objektif penubuhan Magna Focus Sdn. Bhd. dicapai serta memantapkan keupayaan tadbir urus korporat, pihak pengurusan serta Lembaga Pengarah MFSB perlu mengambil langkah yang proaktif dan berkesan bagi menangani kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut:

- 8.1. memperkemas amalan tadbir urus korporat syarikat dari aspek pengurusan mesyuarat Lembaga Pengarah, penyediaan Pelan Strategik dan SOP pengurusan aset yang lengkap serta diluluskan oleh Lembaga Pengarah;
- 8.2. memantau aktiviti pengambilan pasir oleh kontraktor yang telah dilantik dari aspek pematuhan syarat kontrak terutamanya kuantiti pengambilan pasir, bayaran royalti serta yuran pengurusan; dan
- 8.3. meningkatkan aktiviti promosi bagi menarik kontraktor baharu untuk memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai.



# PENUTUP



---

## **PENUTUP**

---


1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti agensi negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan aktiviti telah menjelaskan pencapaian matlamat yang ditetapkan pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.
2. Sehubungan itu, agensi negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
3. Agensi kerajaan negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
4. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya  
15 November 2019**



# AKRONIM





---

## AKRONIM

---

Akta777	Akta Syarikat 2016 & Peraturan-Peraturan
APK	Arahan Perubahan Kerja
BQ	<i>Bills of Quantities</i>
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
CPC	Sijil Perakuan Siap Kerja
CPO	<i>Certificate of Partial Occupation</i>
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
DBKU	Dewan Bandaraya Kuching Utara
DCR	Resolusi Lembaga Pengarah
DHMF	Darul Hana <i>Musical Fountain</i>
DLP	Tempoh Tanggungan Kecacatan
DUN	Dewan Undangan Negeri
EOT	<i>Extension of Time/Lanjutan Masa</i>
GPS	<i>Global Positioning System</i>
GTP	Program Transformasi Kerajaan
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
<i>Handbook MKD</i>	Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014
JBALB	Jabatan Bekalan Air Luar Bandar
JKM	Jabatan Ketua Menteri Sarawak
JKR	Jabatan Kerja Raya
JLM	Jabatan Laut Malaysia
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
JTS	Jabatan Tanah dan Survei Sarawak
Kanun Tanah	Kanun Tanah Negeri Sarawak (Bab 81) 1958
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPBSU	Kementerian Perancangan Bandar dan Sumber Asli
KUS	Kementerian Utiliti Sarawak
LAK	Lembaga Air Kuching
LRA	Loji Rawatan Air
LSS	Lembaga Sungai-Sungai Sarawak
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance 2017</i>
MFSB	Magna Focus Sdn. Bhd.
MMKN	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
MSB	Papan Suis Utama ( <i>Main Switch Board</i> )
MT	Tan Metrik
MWA	<i>Malaysian Water Association</i>
NRED	Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
NWQSM	<i>National Water Quality Standards For Malaysia</i>
PHSB	Pelita Holdings Sdn. Bhd.

PPT	<i>Parts Per Thousand</i>
QA	<i>Quality Assurance</i>
QC	<i>Quality Control</i>
QS	Jurukur Bahan
RM	Ringgit Malaysia
SEB	Sarawak Energy Berhad
SFS	Setiausaha Kewangan Negeri
SOC	<i>Sand Operation Committee</i>
SOP	<i>Standard Operating Procedures</i>
SS	Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
SST	Surat Setuju Terima
T&C	Pengujian dan pentauliahan
<i>The Green Book</i>	<i>The Green Book - Enhancing Board Effectiveness April 2006</i>
UPE	Unit Perancang Ekonomi
UPK	Unit Pendaftaran Kontraktor



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
KUALA LUMPUR, 2019  
[www.printnasional.com.my](http://www.printnasional.com.my)  
email: [cservice@printnasional.com.my](mailto:cservice@printnasional.com.my)  
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara  
No. 15, Aras 1–5,  
Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62518 Putrajaya, Malaysia